


OKTOBER 16-31, 2019

PERCUMA

BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Pulau Pinang kekal No. 1 purata hasil pengeluaran padi dalam negara

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BERTAM –** Pulau Pinang kekal menduduki tempat pertama daripada segi purata hasil pengeluaran padi dalam negara pada tahun lepas.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, Pulau Pinang mencatatkan pengeluaran sebanyak 5.428 tan per hektar pada 2018 iaitu merosot sebanyak 0.6 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Walaupun mencatatkan sedikit penurunan, purata hasil pengeluaran padi kita (Pulau Pinang) masih tinggi berbanding peringkat nasional iaitu sebanyak 4.19 tan per hektar pada tahun 2018.

"Pada tahun lepas, kita berdepan pelbagai cabaran besar seperti masalah air, kemarau, banjir, wabak penyakit, ribut dan sebagainya tetapi hasil pengeluaran masih kekal tertinggi berbanding negeri-negeri lain.

"Justeru, tahniah diucapkan kepada petani-petani dan pesawah khususnya Jabatan Pertanian (Negeri Pulau Pinang) kerana berjaya mengekalkan pengeluaran pada tahap yang baik berbanding tempat-tempat lain," katanya semasa merasmikan program Hari Ladang dan Majlis Menuai Padi Daerah Seberang Perai Utara (SPU) dekat Kampung Pantai Kemelun, di sini 5 Oktober lalu.

Hadir sama, Pengarah Pertanian Negeri Pulau Pinang, Mohd. Muhaimin Ibrahim; Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Negeri Pulau Pinang, Noor Mazirah Teh; Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang, Anuar Mat Esa; Ketua Kelompok Padi Pantai Kemelun, Razlan Mohamad; Timbalan Pengarah Pertanian Negeri Pulau Pinang, Shahbani Ismail; Pegawai Pertanian Daerah SPU, Muhamad Shahizi Baharom serta ramai lagi.

Walau bagaimanapun, Afif mengingatkan bahawa masih banyak usaha perlu dilaksanakan bagi meningkatkan pengeluaran hasil padi dalam usaha mencapai sasaran ditetapkan Kerajaan Negeri iaitu 6 tan per hektar setahun.

"Oleh itu, kita perlu lebih berwaspada dan komited untuk jalinkan kerjasama antara pesawah dengan pihak teknikal iaitu pihak jabatan (berkaitan), manakala komitmen Kerajaan Negeri pula adalah memastikan infrastruktur penanaman padi sentiasa ditambah baik," ujarnya.

Dalam pada itu, Afif turut menegaskan bahawa Kerajaan Negeri juga komited untuk tidak membenarkan sebarang pembangunan di atas tanah-tanah pertanian yang aktif menjalankan penanaman padi.



**DR. Afif Bahardin (berkemeja putih) 'cuba' memandu jentera menuai sebagai gimik perasmian Hari Ladang dan Majlis Menuai Padi SPU dekat Kampung Pantai Kemelun di sini baru-baru ini.**

"Akibat daripada tekanan pembangunan, ramai pesawah berhenti mengusahakan bendang dan menukar tanah mereka menjadi bangunan seperti rumah, bengkel, gudang dan pelbagai lagi.

"Setakat hari ini, dalam Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri (PAC) dan jawatankuasa di peringkat Kerajaan Negeri, kita putuskan tidak ada kelulusan diberikan kepada tanah-tanah pertanian serta tanah padi, dan sekiranya ada pihak yang melakukan perkara sedemikian, maknanya ia dilakukan secara haram.

"Justeru, saya memerlukan kerjasama semua pihak kerana lagi ramai pihak bercakap soal ini, maka lagi banyak tanah dapat dipertahankan. Oleh itu, pesawah perlu memainkan peranan membantu Kerajaan Negeri dengan menyalurkan maklumat sekiranya perkara ini berlaku," serunya.

Difahamkan, Pulau Pinang mempunyai sejumlah 13,850 petani yang mana daripada jumlah tersebut seramai 10,131 adalah pesawah yang penting dalam menyumbang kepada ekonomi dan jaminan bekalan makanan negara.

# Seberang Perai Fiesta perkenal transaksi tanpa tunai ke arah pemodenan perniagaan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ADUN**

**SEBERANG JAYA –** Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas diiringi isteri, Toh Puan Majimor Sharif hadir menyempurnakan Majlis Perasmian Seberang Perai Fiesta 2019 yang berlangsung dekat Tapak Ekspo Seberang Jaya di sini.

Program yang berlangsung selama lima hari mulai 25 hingga 29 September 2019 tersebut merupakan acara tahunan kali keempat berturut-turut dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan juga swasta.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin semasa berucap memberitahu bahawa penganjuran Seberang Perai Fiesta adalah sebagai menghargai dan mengiktiraf sumbangan serta peranan golongan petani, penternak, nelayan dan usahawan industri asas tani dalam pembangunan ekonomi negeri ini.

"Di samping itu, pengunjung juga berpeluang menikmati makanan melalui 80 gerai makanan dan trak kendara saji selain merasai pengalaman dalam permainan *e-Sports* serta sukan ekstrem seperti *rock climbing* dan banyak lagi," jelasnya.

Turut hadir menyerikan majlis, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan isteri; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Sarul Bahiyah Abu; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Haji Rozali Mohamud, ketua–ketua jabatan, pegawai-pegawai jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan serta Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Afif menyatakan bahawa seiring dengan kemajuan industri digital, Seberang Perai Fiesta pada tahun ini turut menampilkan kelainan dengan menggunakan transaksi tanpa tunai melalui kerjasama dengan *Touch 'n Go Digital (e-Wallet)*.

"Galakan transaksi tanpa tunai ini merupakan salah satu usaha untuk mempersiapkan usahawan di bawah bimbingan jabatan dan agensi kerajaan ke arah pemodenan perniagaan sejajar dengan hala tuju kerajaan yang menggalakkan konsep platform tanpa tunai seiring dengan perubahan pesat sistem pembayaran elektronik serta peranti pemprosesan pembayaran masa kini.

"Inisiatif ini akan memudahkan lebih ramai pengguna *e-Wallet* menikmati cara pembayaran yang lebih selamat, mudah dan pantas dengan mengimbas Kod QR peniaga bagi urusan pembayaran," ujarnya.

Dalam pada itu, Ahmad Zakiyuddin menyatakan bahawa penganjuran program berkenaan juga dapat menjadi landasan terbaik untuk pengusaha memperkenalkan produk dan perkhidmatan masing-masing kepada masyarakat.

"Di sinilah, peserta dan pengunjung dapat mencari peluang untuk mengadakan kerjasama dalam aspek pengeluaran, penjualan serta pemasaran.

"Justeru, diharapkan pada tahun-tahun akan datang, Seberang Perai Fiesta akan terus mendapat sambutan hangat daripada pengunjung serta sokongan daripada pengiat-pengiat sektor berkaitan," katanya.

Difahamkan, Seberang Perai Fiesta merupakan program yang dijenamakan semula daripada Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan atau Agrofest Peringkat Negeri dan dilihat mampu menyamai kemeriahan Pesta Pulau Pinang iaitu salah satu program ikonik negeri.



DR. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) sambil diiringi barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyampaikan sijil pengiktirafan kepada salah seorang penerima bersempena Majlis Perasmian Seberang Perai Fiesta 2019 di sini baru-baru ini.



PERSEMBAHAN tarian tradisional oleh pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan Minden Heights.



ANTARA produk yang dipamerkan.



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (kanan sekali) bersama-sama Dr. Afif Bahardin (tiga dari kiri) dan Farizan Darus (dua dari kiri) ketika mengadakan lawatan ke beberapa tapak pameran.

Oleh: **AZMI HUSSIN**



# Projek Food Bank manfaat isi rumah, elak pembaziran makanan



DR. Wan Azizah Wan Ismail (bertudung) sambil diiringi Ketua Menteri dan Saifuddin Nasution Ismail (berdiri, dua dari kanan) menyaksikan wakil-wakil terlibat serta rakan-rakan strategik menandatangani MoU pada Majlis Pelancaran Yayasan Food Bank Malaysia di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWIN MOHD. DAUD**

**PANTAI JEREJAK -** Sejak diperkenalkan pada tahun 2017, projek perintis *Mutiara Food Bank* telah berjaya memanfaatkan seramai 41,227 penerima di seluruh negeri Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pelaksanaannya juga telah berjaya menyelamatkan sebanyak 412 tan makanan daripada dibazirkan.

Jelasnya, program tersebut bertindak sebagai satu usaha mengurangkan pembaziran dan platform untuk menyelamatkan lebihan makanan daripada berakhir di pusat pelupusan sampah yang direkodkan sebanyak 16,000 tan (makanan) sehari.

“Daripada jumlah (16,000 tan) tersebut, 3,000 tan adalah makanan yang masih berkualiti dan selamat untuk dimakan.

“Visi Penang2030 yang dilancarkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang merupakan sebuah pelan tindakan yang turut menumpukan kepada pembangunan daya huni, menaik taraf ekonomi, meningkatkan penyertaan rakyat serta pembangunan yang seimbang bagi mencapai sebuah negeri berorientasikan ‘Kekeluargaan, Bandar Hijau dan Pintar.

“Ia adalah visi bagi meningkatkan momentum negeri untuk sentiasa berada di hadapan sebagai sebuah negeri yang menjadi inspirasi kepada negara seiring dengan perubahan besar dalam negara, ini dibuktikan apabila Pulau Pinang merupakan negeri pertama (dalam negara) yang melaksanakan program *'Food Bank'* ini,” ucap beliau di Majlis Pelancaran Yayasan Food Bank Malaysia anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dekat sini 20 September lalu.

Hadir merasmikan majlis, Timbalan Perdana Menteri, Y.A.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato’ Law Choo Kiang; Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (Timbalan Ketua Menteri I); Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap Pengerusi Mutiara Food Bank); Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (Menteri KPDNHEP) dan Datuk Muez Abd. Aziz (Ketua Setiausaha KPDNHEP) hadir sama.

Serentak itu, program turut menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara Yayasan Food Bank Malaysia dengan rakan-rakan strategik.

Yayasan Food Bank Malaysia menerima keseluruhan sumbangan sebanyak RM1,500,000 daripada para penyumbang.

Wan Azizah ketika menyampaikan ucaptama memberitahu bahawa sebagai langkah melindungi penderma dan penerima program *'Food Bank'*, KPDNHEP dijangka akan membentangkan undang-undang berkonsepkan *‘Good Samaritan Law’* di Parlimen pada hujung tahun ini.

“Bagi meluaskan program berkaitan, Yayasan Food Bank Malaysia telah diperbadankan pada 7 Januari lalu.

“Yayasan ini akan bertindak menyelaras perkembangan serta pelaksanaan program ini di dalam negara, malah undang-undang yang akan dibentangkan tidak lama lagi bakal melindungi penderma dan para penerima yang kini mencecah 311,189 isi rumah sehingga Ogos lalu,” ujarnya.

Dalam pada itu, Saifuddin Nasution menyatakan bahawa Yayasan Food Bank Malaysia berkonsepkan ‘Doktrin Fajr’ iaitu pembangunan masyarakat memerlukan gandingan tiga pihak iaitu kerajaan, sektor swasta dan watak-watak bukan kerajaan *(non-state actors)*.

“Kejayaan usaha *'Food Bank'* ini bergantung kepada sektor swasta dalam memberi lebihan makanan kepada organisasi *'Food Bank'*.

“Rakan-rakan strategik yayasan terdiri daripada *Food Aid Foundation, Mutiara Food Bank*, Kechara dan *Lost Food* adalah watak-watak bukan kerajaan yang merupakan wadah pemberdayaan rakyat dalam mendukung usaha ini,” jelasnya.

# Impak kenaikan Cukai Taksiran diperincikan

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memperincikan impak di sebalik kenaikan cukai taksiran meliputi empat daripada 16 kategori harta tanah bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Menurut beliau, 15,049 unit kediaman bertanah jenis kos rendah (KR) bagi kawasan MBSP menanggung kadar kenaikan cukai taksiran kurang daripada RM30, begitu juga kurang RM5 kenaikan kadar cukai taksiran bagi 404 unit kediaman kategori sama bagi kawasan MBPP.

“Saya fikir kebanyakan bantahan tidak berdasarkan penilaian (hartanah)...tapi dalam fikiran saya, kerajaan akan berusaha untuk mengurangkan kesan berantai di sebalik kenaikan ini supaya mampu (tanggung).

“Kalau kita rangkumkan semua unit Kediaman Bertanah KR dan KSR (Kos Sederhana Rendah) bagi kawasan MBPP ada 1,795 unit, 100 peratus unit kediaman bagi kategori ini akan dikenakan kadar kenaikan cukai (taksiran) kurang daripada RM33.

“Sebenarnya kebanyakan pun (jenis hartanah Kediaman Bertanah KR menanggung kadar kenaikan cukai taksiran) kurang daripada RM10.

“Golongan B40, saya jangka tidak akan menanggung kesan berantai yang begitu besar,” jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi dalam sidang media di sini 2 Oktober 2019.

Beliau dalam pada itu, turut mengalu-alukan reaksi awam kepada kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) sebelum cadangan pelaksanaan kadar baharu cukai taksiran pada 1 Januari 2020.

“Kita lihat bantahan itu, setelah proses pendengaran, Pihak Berkuasa (Negeri) wajib buat keputusan.

“Sekarang, bukan masanya buat keputusan (untuk menilai semula kadar kenaikan dan impak)... selepas mendapat bantahan, perlu buat proses pendengaran, sebab senarai ini perlu dikuatkuasa pada 1 Januari 2020.

“Apa sahaja perubahan yang perlu dibuat, perlu dibuat sebelum tarikh itu (1 Januari 2020),” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan beberapa Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang turut sertai sidang media tersebut.

Rujuk dua Jadual Perincian Impak Cukai Taksiran Mengikut Kategori Harta Tanah Bagi MBPP dan MBSP, seperti di bawah:-

## Impak Cukai Taksiran Mengikut Kategori Harta Tanah (MBSP)

| Bil | Jenis Harta | Kenaikan Cukai Setahun | Bil Unit Terlibat | Bilangan Keseluruhan Unit |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kediaman Bertanah (Kos Rendah & Sederhana Rendah) | RM 0 dan < RM 30<br>RM 30 dan < RM 50 | 15,049<br>7,866<br>**22,915 (98%)** | 23,337 |
| 2. | Kediaman Bertanah | RM 0 dan < RM 50<br>RM 50 dan < RM 70<br>RM 70 dan < RM100 | 38,833<br>34,706<br>37,221<br>**110,760 (86%)** | 128,578 |
| 3. | Kediaman Berstrata (Kos Rendah & Sederhana Rendah) | RM 0 dan < RM 10<br>RM 10 dan < RM 20<br>RM 20 dan < RM 30<br>> RM 30 | 31,355<br>1,541<br>186<br>-<br>**33,082 (100%)** | 33,082 |
| 4. | Pangsapuri/ Kondominium | RM 0 dan < RM 50 | 29,590<br>**29,590 (97%)** | 30,589 |

## Impak Cukai Taksiran Mengikut Kategori Harta Tanah (MBPP)

| Bil | Jenis Harta | Kenaikan Cukai Setahun | Bil Unit Terlibat | Bilangan Keseluruhan Unit |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kediaman Bertanah (Kos Rendah & Sederhana Rendah) | >RM0 dan <RM5<br>>=RM5 dan <RM10<br>>=RM10 dan <RM15<br>>=RM15 dan <RM20<br>>=RM20 dan <RM33 | 404<br>849<br>430<br>101<br>11<br>**1,795 (100%)** | 1,795 |
| 2 | Kediaman Bertanah | >RM0 dan <RM50<br>>=RM50 dan <RM100<br>>=RM100 dan <RM200<br>>= RM200 dan < RM300<br>>= RM300 dan < RM400<br>>= RM400 dan < RM500 | 17,388<br>5,325<br>23,689<br>14,782<br>4,618<br>2,132<br>**67,934 (97%)** | 69,774 |
| 3 | Kediaman Berstrata (Kos Rendah & Sederhana Rendah) | >RM0 dan <RM1<br>>=RM1 dan <RM30<br>>=RM30 dan <RM40<br>>=RM40 dan <RM50<br>>=RM50 dan <RM85 | 71,169<br>1,813<br>4,611<br>8,637<br>4,719<br>**90,949 (100%)** | 90,949 |
| 4 | Pangsapuri/ Kondominium | >RM0 dan <RM20<br>>=RM20 dan <RM50<br>>=RM50 dan <RM100<br>>=RM100 dan <RM200 | 19,680<br>23,740<br>34,716<br>16,466<br>**94,602 (94%)** | 101,026 |

# Penang Sihat sedarkan masyarakat penting jaga kesihatan

Oleh : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**GEORGE TOWN –** Inisiatif gerakan Penang Sihat iaitu program pemeriksaan kesihatan secara besar-besaran ke seluruh daerah di Pulau Pinang adalah bertujuan menyedarkan masyarakat tentang kepentingan menjaga kesihatan khususnya kesihatan jantung, mental dan keluarga.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri menjalankan usaha berterusan dalam menyedarkan masyarakat tentang kepentingan bukan hanya memfokuskan kepada kesihatan jantung malah juga (kesihatan) organ lain.


**DR. Afif Bahardin (berbaju batik) memerhatikan beberapa peralatan perubatan yang dipamerkan bersempena penganjuran Sambutan Hari Jantung Sedunia 2019 di sini baru-baru ini.**

"Dalam usaha untuk mencapai visi Penang2030, inisiatif gerakan Penang Sihat telah dimulakan oleh Kerajaan Negeri bersama-sama Jabatan Kesihatan Negeri dan ia akan bergerak ke 40 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) bagi membolehkan umum membuat pemeriksaan kesihatan secara besar-besaran," ujarnya ketika merasmikan program Sambutan Hari Jantung Sedunia 2019 yang bertemakan *'Hero Make a Heart Promise'* di Hospital Pulau Pinang (HPP) dekat sini 27 September lalu.


**SEBAHAGIAN pihak berkaitan yang mengambil bahagian.**

Hadir sama, Timbalan Pengarah Perubatan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Dr. Elizabeth Anthony dan Ketua Jabatan Kardiologi HPP, Dr. Muhamad Ali SK. Abdul Kader.

Mengulas lanjut, Afif memaklumkan bahawa inisiatif pemeriksaan kesihatan tersebut akan dimulakan di kawasan Seberang Jaya, dan diharap pendekatan tersebut dapat mewujudkan satu gelombang yang dapat menyedarkan masyarakat tentang peri pentingnya menjaga kesihatan.

"Umumnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memperuntukkan lebih daripada RM100 juta setiap tahun untuk perkhidmatan jantung dan pada masa sama turut menyediakan Tabung Bantuan Perubatan bagi pesakit jantung yang memerlukan pemasangan peralatan seperti *stent*, *pacemaker* dan lain-lain," jelasnya.

## Tepati piawaian dan kualiti perumahan ditetapkan – Exco

**BAYAN LEPAS –** Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo menegaskan bahawa penyediaan dan pembekalan rumah mampu milik di Pulau Pinang perlu menepati piawaian dan kualiti perumahan yang ditetapkan.

Menurut beliau, setiap projek perumahan Kerajaan Negeri yang dibina sama ada kos rendah (KR), kos sederhana rendah (KSR) ataupun rumah mampu milik (RMM) yang disediakan pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) mahupun pemaju swasta perlu mencapai tahap kualiti terbaik.

"Apabila merujuk kepada penyediaan atau pembekalan rumah mampu milik (RMM) kepada rakyat, ia bermaksud skim perumahan selesa dan bermutu dengan keadaan sekeliling yang kondusif demi menjamin kehidupan lebih baik.

"Disebabkan itu, kita (Kerajaan Negeri) telah mengarahkan pihak PDC selaku pemaju bertanggungjawab untuk projek-projek perumahan negeri agar memastikan setiap projek yang dibangunkan berada pada tahap memuaskan dan berkeadaan baik sebelum kunci diserahkan kepada pembeli," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat ketika mengadakan lawatan kerja ke projek perumahan mampu milik Dua Residensi di Teluk Kumbar dekat sini 8 Oktober lalu.

Jagdeep berkata demikian ekoran maklum balas daripada para pembeli projek RMM The Rise dekat Jalan S.P.Chelliah yang dibangunkan pihak swasta baru-baru ini.

Justeru, bagi memastikan piawaian kualiti dipatuhi, beliau memaklumkan bahawa pihaknya akan mengadakan satu perjumpaan dengan wakil-wakil pemaju swasta yang bertanggungjawab membangunkan RMM negeri dalam tempoh terdekat.

"Disebabkan isu (The Rise) tersebut, saya telah memutuskan untuk berjumpa dengan semua pemaju bertanggungjawab bagi memastikan projek-projek pembangunan RMM di bawah Kerajaan Negeri mahupun swasta tidak berlaku hal sama.

"Saya akan mengadakan perbincangan dengan mereka (pemaju swasta), kita (Kerajaan Negeri) akan berikan peringatan dan amaran sekali lagi agar semua garis panduan serta kualiti sentiasa dijaga.

"Jika mereka ingin gunakan insentif untuk pembinaan rumah mampu milik (RMM, Kerajaan Negeri), mereka terlebih dahulu perlu memastikan kualiti produk akhir perumahan yang dibangunkan adalah terbaik dan *tip top*," tegasnya sekali lagi.

Difahamkan, Dua Residensi yang terdiri daripada 346 unit KSR, 348 (RMM) dan tujuh unit komersial telah siap dibangunkan oleh PDC dan kini sedang menunggu kelulusan daripada beberapa jabatan berkaitan sebelum Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (CCC) dijangka diperoleh Disember ini.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa projek Dua Residensi tersebut juga dijangka mendapat pengiktirafan skor *QLASSIC* (sistem penilaian kualiti dalam pembinaan) daripada CIDB Malaysia.

"Projek perumahan Suria 1 di Bandar Cassia yang dibangunkan PDC telah mendapat skor Qlassic 74 peratus, justeru projek ini (Dua Residensi) juga dijangka mendapat skor yang sama selepas CCC diperoleh.

"*QLASSIC* adalah tanda aras dalam menentukan kualiti kemahiran projek pembinaan serta mengukur kriteria, prestasi serta kualiti pemaju," jelasnya.

*(Rujuk juga muka 15).*

## Penjagaan kesihatan mulut kanak-kanak tanggungjawab semua pihak

**GEORGE TOWN –** Penganjuran *10th Asian Conference of Oral Health Promotion for School Children* (ACOHPSC) menjadi platform bagi pihak berkepentingan untuk berkongsi idea mengenai penyediaan dan promosi penjagaan kesihatan mulut kepada kanak-kanak sekolah di negara ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam ucapannya berkata bahawa di Malaysia, 33 peratus kanak-kanak sekolah didapati mempunyai masalah kerosakan gigi seperti yang dilaporkan dalam kajian kesihatan mulut kebangsaan pada tahun 2017.

"Mengikut Kajian Kesihatan Morbiditi Kesihatan Negara yang dilakukan pada tahun sama menunjukkan bahawa 9 peratus kanak-kanak sekolah dalam negara gagal hadir ke kelas atau sekolah akibat sakit gigi.

"Bagi kumpulan umur lebih muda, kajian kesihatan mulut kebangsaan dilakukan pada tahun 2015 melibatkan kanak-kanak prasekolah berumur lima tahun, mendapati bahawa 71.3 peratus daripada mereka pernah mengalami karies gigi," ujarnya ketika merasmikan persidangan berkaitan di sini 20 September lalu.

Turut hadir, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Presiden Majlis Pergigian Malaysia (Pakar Kesihatan Awam Pergigian) merangkap pengerusi penganjur 10th ACOHPSC, Brig. Gen. Dr. Zulkifli Zainal Abidin; Pengarah Bahagian Penjagaan Kesihatan Pergigian, Dr. Chit Jit Chie mewakili Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian) Kementerian Kesihatan, Dr. Doreyat Jemun dan Ketua Penjagaan Mulut Profesional, Colgate-Palmolive Asia, Dr. Svapna Koppikar.

Selain Malaysia, antara perwakilan yang mengambil bahagian dalam persidangan secara dwitahunan dan yang pertama kalinya dianjurkan di negara ini ialah Thailand, Kemboja, Vietnam, Myanmar, Korea Selatan, Jepun, Brunei, Mongolia serta Filipina.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa penurunan masalah karies gigi dalam tempoh 10 tahun dalam kalangan murid-murid prasekolah di negara ini adalah terlalu rendah, iaitu daripada 76.2 peratus pada 2005 kepada 71.3 peratus (2015).

"Penyelidikan kebangsaan juga melaporkan bahawa beban penyakit periodontal dalam kalangan pelajar sekolah juga telah meningkat.

"Malah, berdasarkan kajian yang dijalankan pada tahun 2017 menunjukkan bahawa hampir semua kanak-kanak mengalami masalah gusi yang mana keadaan ini benar-benar membimbangkan kerana ia boleh membawa kepada masalah kerosakan gigi dan akhirnya kehilangan gigi jika terus dibiarkan," katanya.

Justeru, Kon Yeow menggesa semua pihak supaya memainkan peranan masing-masing dalam memperbaiki dan meningkatkan kesihatan mulut dalam kalangan kanak-kanak sekolah di negara ini.

"Oleh itu, saya menggalakkan agensi-agensi kerajaan, pertubuhan kesihatan dan masyarakat secara keseluruhan untuk sama-sama menyokong program pencegahan, pengesanan dan rawatan bagi masalah kerosakan gigi.

"Dengan usaha bersepadu ini, kita pasti dapat mencapai hasil dengan lebih cepat," serunya.

# Pulau Pinang gelanggang tetap penganjuran tahunan STL

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**



**AKSI perlawanan pasukan *Penang Black Panthers*.**



**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil berkaitan menyampaikan hadiah kepada sebahagian pemenang sempena penganjuran STL di sini baru-baru ini.**

**PANTAI JEREJAK -** Pulau Pinang bakal menjadi gelanggang tetap penganjuran Sepak Takraw League (STL) setiap tahun, kata Presiden Persatuan Sepaktakraw Malaysia, Datuk Seri Ahmad Ismail.

Menurutnya, penganjuran STL 2019 yang berlangsung baru-baru ini mendapat sambutan amat menggalakkan daripada orang ramai terutamanya penyokong sepak takraw.

"Sememangnya penganjuran di Pulau Pinang adalah yang terhebat yang pernah dibuat, meskipun pertama kali kita anjur di sini.

"Saya telah berbincang dengan Y.A.B. Ketua Menteri dan Exco (Belia dan Sukan), Pulau Pinang akan dijadikan destinasi tetap tiap-tiap tahun STL," ujar beliau yang juga merangkap Yang di-Pertua Persatuan Sepaktakraw Pulau Pinang pada penganjuran berkaitan 29 September lalu.

Selain Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow; Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee dan Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Frederick Tan Teck An merupakan antara pemimpin negeri yang hadir.

Perlawanan akhir di antara *Penang Black Panthers* menentang PDRM Defenders disaksikan lebih 3,000 penyokong.

Dalam pada itu, Kon Yeow ketika berucap menzahirkan harapan agar pasukan Pulau Pinang *(Penang Black Panthers)* akan terus maju.

"Tahniah kepada pihak penganjur, kali ini penganjuran di Pulau Pinang mendapat sambutan hebat daripada peminat-peminat sepak takraw, diharap pasukan negeri akan teruskan momentum dan maju jaya," serunya.

# Projek penambahbaikan pinggir laut bahagian utara jangka siap 2022 - Exco




**JAGDEEP Singh Deo (depan sekali) dan wakil-wakil terlibat ketika mengadakan lawatan tapak projek penambahbaikan pinggir laut bahagian utara di sini baru-baru ini.**



**RUPA bentuk *Queen Victoria Memorial Clock Tower* sepanjang proses naik taraf.**

**PADANG KOTA –** Projek penambahbaikan pinggir laut bahagian utara yang meliputi tembok laut, kubu *Fort Cornwallis*, Lebuh Light dan penaiktarafan *Queen Victoria Memorial Clock Tower* yang menelan belanja keseluruhan RM30 juta dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2022.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, komponen-komponen berlainan projek berkaitan kini berada dalam pelbagai peringkat naik taraf.

"Semua projek tersebut kini berada di pelbagai peringkat penaiktarafan, kecuali *Fountain Garden* yang sudah siap dan telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Januari lalu.

"Mengikut jadual kerja-kerja penaiktarafan, tembok Padang Kota Lama telah mencapai 15.9 peratus dengan jangkaan siap sepenuhnya pada Ogos 2021.

"Bagi kerja-kerja penaiktarafan kubu *Fort Cornwallis* juga masih dalam pelaksanaan dan hanya akan siap pada tahun 2022," ujarnya ketika mengadakan lawatan kerja ke projek penaiktarafan berkenaan di sini pada 26 September lalu bagi memastikan projek-projek yang sedang berjalan disiapkan mengikut jadual.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang; S. Bharati (Timbalan Pengurus Besar Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang, CMI); Murali Ram (Pengarah Program Think City Sdn. Bhd.) dan Ahli-ahli Majlis MBPP.

Menurut Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, dua projek yang telah siap dinaik taraf adalah laluan Lebuh Light dan *Queen Victoria Memorial Clock Tower*.

"Untuk projek laluan Lebuh Light, ia telah siap sebelum bermulanya penganjuran *Asia Pasific Urban Forum* (APUF) 2019 pada 14 Oktober lalu, manakala *Queen Victoria Memorial Clock Tower* dijangka bulan Disember ini (mengikut jadual).

"Namun, berita gembiranya ialah Datuk Bandar telah menyatakan komitmen untuk menyiapkannya iaitu serentak dengan (penaiktarafan) laluan Lebuh Light berkaitan.

"Penaiktarafan laluan Lebuh Light bernilai RM1,325,000 dan *Queen Victoria Memorial Clock Tower* (RM150,000) masing-masing dibiayai penuh oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP)," jelasnya.

Dalam pada itu, Jagdeep memberitahu bahawa perancangan penaiktarafan pinggir laut bahagian timur iaitu bermula daripada *Port Swettenham* sehingga ke kawasan jeti di *Weld Quay* merupakan projek kerjasama di antara Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity), Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC) dan George Town Conservation and Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC).

"Bagi pengubahsuaian dan penaiktarafan bahagian timur ini, idea pelaksanaannya akan diambil daripada input-input semua pihak yang berminat," ulas beliau.

# Garis Panduan Keselamatan Pembangunan Tanah Bukit 2012 dikaji semula – Exco



JAGDEEP Singh Deo (tengah) dan pihak-pihak berkaitan menunjukkan Laporan Suruhanjaya Siasatan Berhubung Insiden di Tapak Binaan Tanjung Bungah berserta syor-syor berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN –** Garis Panduan Keselamatan Pembangunan Tanah Bukit Pulau Pinang 2012 kini dikaji semula bagi penambahbaikan termasuk memperketatkan lagi penguatkuasaan sedia ada.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa garis panduan tersebut dikaji semula oleh Jawatankuasa Penasihat Teknikal Pulau Pinang bersama-sama Bahagian Geoteknikal, Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) serta lain-lain pakar penasihat berkaitan.

"Jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh Datuk Ir. Dr. Gue See Sew yang juga ahli Suruhanjaya Siasatan (berhubung insiden di tapak binaan dekat Lengkok Lembah Permai, Tanjung Bungah).

"(Dan) hasil kaji semula tersebut dijangka akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri pada bulan Disember 2019," ujarnya pada sidang media di sini 27 September lalu.

Hadir sama, Pengarah PlanMalaysia @Pulau Pinang, Datuk TPr. Idris Abdul Rahim (mantan); Pengarah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, (JKKP) Pulau Pinang, Jaafar Leman; Pengarah Kejuruteraan MBPP, Ir. A. Rajendran serta wakil-wakil jabatan berkaitan.

Mengulas lanjut, Jagdeep memaklumkan bahawa garis panduan sedia ada perlu ditambah baik sama ada mewujudkan garis panduan baharu atau mengenakan tindakan penguatkuasaan yang lebih ketat serta terkawal.

"Kerajaan Negeri ada mengesyorkan agar jurutera pemeriksa bebas bertauliah yang dilantik oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) (mengikut kawasan tadbiran sama ada MBPP atau Majlis Bandaraya Seberang Perai, MBSP) layak untuk melaksanakan pemeriksaan.

"Hal ini supaya jururunding tidak terikat atau menuruti sahaja kehendak pemaju projek serta benar-benar bebas dalam membuat sebarang perakuan mahupun keputusan.

"(Dan) jurutera pemeriksa bebas bertauliah tersebut akan memeriksa Laporan Geoteknikal Jurutera Geoteknikal bagi cerun yang melebihi 15 darjah dan kos lantikan (jurutera pemeriksa bebas bertauliah) akan ditanggung oleh pihak pemaju projek," jelasnya.

Dalam pada itu, Jagdeep memberitahu bahawa pihaknya juga telah meminta agar MBPP dan MBSP menggubal semula Undang-undang Kecil (Kerja Tanah) 2019 yang mana perlu ditekankan peruntukan untuk mengkompaun kesalahan atas ketidakpatuhan kerja tanah yang dijalankan dalam projek-projek pembangunan di negeri ini.

"Undang-undang kecil ini dijangka akan diwartakan pada awal bulan Februari tahun hadapan (2020).

"Di samping itu, MBPP juga telah bekerjasama dengan Universiti Sains Malaysia dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) bagi pelaksanaan Sistem Maklumat Geografi (GIS) untuk tujuan inventori data serta pemetaan kawasan bukit dan bercerun yang berisiko," katanya.

Difahamkan, selain MBPP dan MBSP, Jagdeep turut menggerakkan beberapa jabatan lain bagi menambah baik pelaksanaan kerja-kerja tanah. Antaranya Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP); JMG; Jabatan Alam Sekitar (JAS); Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS); Lembaga Jurutera Malaysia dan Lembaga Industri Pembinaan Pembangunan (CIDB).

Terdahulu, pada 29 Ogos lalu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow telah mengarahkan Jagdeep untuk meneliti Laporan Suruhanjaya Siasatan Berhubung Insiden di Tapak Binaan Tanjung Bungah dan membentangkan hasil cadangan serta tindakan yang perlu bagi memastikan insiden tersebut tidak berulang pada masa hadapan.

## Kerajaan Negeri sambut baik cadangan Kementerian wujudkan Sekretariat Muafakat Komuniti

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyambut baik cadangan dikemukakan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menempatkan personel di Projek Perumahan Rakyat (PPR) seluruh negara.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, cadangan tersebut telah dibentangkan pegawai daripada KPKT dalam Mesyuarat Exco pada 7 Ogos 2019.

Berdasarkan cadangan tersebut, menurut beliau, pihak KPKT mencadangkan agar Sekretariat Muafakat Komuniti (SMK) diwujudkan di unit-unit PPR di negeri ini.

"PPR Taman Manggis dan PPR Bagan Jaya telah dipilih sebagai perintis bagi pelaksanaan cadangan tersebut dan kita telah mengenal pasti ruang kosong untuk dijadikan pejabat yang akan menempatkan pegawai daripada KPKT.

"Malah, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida (Kamaruddin) akan hadir ke PPR Taman Manggis bagi melancarkan sekretariat (SMK) pertama," ujarnya kepada pemberita sejurus berucap pada Bengkel Inisiatif Strategik Penang2030 di sini 1 Oktober lalu.

Menurut Jagdeep, cadangan tersebut juga merupakan pendekatan yang lebih realistik daripada menempatkan pegawai polis di PPR.

Beliau berkata demikian ketika memberi respons terhadap cadangan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim baru-baru ini yang mahu menempatkan dua anggota polis di 38 PPR sekitar ibu negara bagi mengekang kejadian jenayah.

"Perkara ini (menempatkan anggota polis di PPR) perlu dibincangkan dengan lebih lanjut kerana ia akan mengekang kebebasan…seolah-olah mereka (penduduk) sedang dalam pemerhatian polis.

"Sedangkan tidak semua yang tinggal di PPR adalah penjenayah, ada yang baik…ada yang sangat miskin dan dengan menempatkan polis dalam kalangan mereka, suasana akan menjadi tidak kondusif," katanya.

Mengulas lanjut, Jagdeep memaklumkan bahawa di Pulau Pinang melalui kolaborasi dengan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), program-program pemberdayaan membabitkan penghuni di PPR telah lama dilaksanakan dari semasa ke semasa.

"(Dan) program ini sangat berjaya seperti di PPR Jalan Sungai (Sungai Pinang) yang mana melalui pendekatan yang diambil oleh PWDC dan Kerajaan Negeri dilihat berkesan dalam menangani isu-isu yang sering dikaitkan dengan PPR.

"Melalui SKM yang dicadangkan oleh KPKT, pegawai KPKT yang ditempatkan akan merancang program-program pemberdayaan dan kesedaran kepada penghuni PPR dan langkah ini lebih mampan serta harmoni berbanding menempatkan anggota polis," jelasnya.

Terdahulu, beliau turut menyatakan sokongan terhadap Dasar Komuniti Negara yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 17 Februari 2019 dengan tujuan untuk memberdayakan komuniti melalui pendekatan kesedaran mengenai harta benda dan ruang yang dikongsi bersama di kawasan kediaman setempat.

# Sungai Perai berpotensi sebagai destinasi ekopelancongan

Gambar : **EXCO**

**BAGAN JERMAL –** Penganjuran Festival Sungai Perai mampu menjadi salah satu platform dalam mengetengahkan aktiviti ekopelancongan di Seberang Perai.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, Sungai Perai menjadi lokasi amat berpotensi untuk dibangunkan sebagai tarikan baharu destinasi pelancongan negeri khususnya bagi kawasan ini.

"Melalui penganjuran program sebegini, diharap dapat membina kesedaran tentang keperluan sungai serta tanggungjawab bersama untuk menjaga dan dihayati dengan lebih berkesan serta bermakna.

"Pada zaman ini, sungai kian terancam akibat pemanasan global, pembangunan serta pencemaran menyebabkan sumber air tawar dunia menjadi semakin berkurangan yang dibimbangi akan mewujudkan krisis habitat liar dan juga kehidupan manusia.



DR. Afif Bahardin (enam dari kanan) bersama-sama Sr. Rozali Mohamud (tiga dari kiri) serta barisan jemputan menunjukkan lakaran peta Sungai Perai sebagai gimik penganjuran Festival Sungai Perai di sini baru-baru ini.

"Oleh itu, marilah kita bersama-sama menjaga dan memelihara sungai kita agar sentiasa bersih dan indah tanpa sebarang kemusnahan serta pencemaran," serunya pada program berkaitan yang diadakan dekat Taman Bandar Ampang Jajar, Permatang Pauh di sini 29 September lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Ahli-ahli Majlis dan Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Rosnani Mahmod; Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran Seberang Perai Tengah (SPT), Mohd. Nasyarul Ahmad Rizan; Pengarah Urusan Think City Sdn. Bhd., Hamdan Abdul Majeed dan Pengarah Urusan Zart Eventive Enterprise, Zaini Zainul.

Mengulas lanjut, Afif memaklumkan bahawa pihak MBSP bersama-sama Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity) telah mewujudkan kerjasama bagi membangunkan Pelan Tindakan Sungai Perai untuk tempoh lima tahun di bawah Program Butterworth Baharu.

"Mekanisme utama pembangunan pelan tindakan ini adalah melalui aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan, naik taraf projek fizikal bagi mewujudkan kesalinghubungan di sepanjang sungai serta mengaktifkan Sungai Perai.

"Saya amat menyokong usaha murni ini dalam memastikan kelestarian sumber semula jadi iaitu Sungai Perai sepanjang 24 kilometer (km) terus terpelihara," katanya yang juga ADUN Seberang Jaya.

Difahamkan, Festival Sungai Perai 2019 mampu merealisasikan moto Kerajaan Negeri untuk menjadi negeri Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat serta memenuhi aspirasi Visi Penang2030.

## Komited selenggara skim perumahan layak demi keselesaan rakyat

**BAGAN JERMAL –** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang membelanjakan kira-kira RM232,419,480.25 bagi kerja-kerja penyelenggaraan lebih 50 skim perumahan di negeri ini sejak 2008.

Mengulas lanjut, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, kos tersebut melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan bagi skim perumahan awam, perumahan swasta yang layak serta perumahan di bawah seliaan kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri ini.

"Untuk makluman, sejak 2008, kita (Kerajaan Negeri) telah membelanjakan kira-kira RM178,858,934.57 dalam usaha menyelenggara skim-skim perumahan awam di negeri ini sehingga September lalu.

"Selain itu, untuk perumahan swasta, kita (Kerajaan Negeri) juga ada tabung untuk skim-skim yang layak melalui Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP) yang mana sehingga sekarang sebanyak RM32,015,256.08 telah dibelanjakan.

"Bagi perumahan awam di bawah seliaan kedua-dua Majlis iaitu MBSP (Majlis Bandaraya Seberang Perai) dan MBPP (Majlis Bandaraya Pulau Pinang) pula kira-kira RM21,545,289.60 telah dibelanjakan," ucapnya pada Majlis Penyerahan Kerja-kerja Menaik Taraf Taman Permainan dan Landskap Rumah Pangsa Mak Mandin 1 dekat sini 25 September lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal merangkap Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud; Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya Seberang Perai Utara (SPU), Ir. Shahfizan Md. Nor; Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Dasar & Pembangunan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Fakhurrazi Ibnu Omar serta Penolong Setiausaha Kanan (Seksyen Pengurusan Perumahan) SUK, Mohd. Fauzy Mohd. Yusoff.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa kerja-kerja menaik taraf taman permainan serta landskap bagi Rumah Pangsa Mak Mandin 1 menelan kos kira-kira RM199,944.70 yang telah siap sepenuhnya pada Ogos lalu.



JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali), Soon Lip Chee (dua dari kanan) dan barisan jemputan lain menyempurnakan gimik Majlis Penyerahan Kerja-kerja Menaik Taraf Taman Permainan dan Landskap Rumah Pangsa Mak Mandin 1 di sini baru-baru ini.

"Ini satu contoh baik yang mana kita ada taman permainan cantik selaras dengan visi dan misi Pulau Pinang iaitu untuk menjadi negeri berfokuskan kekeluargaan hijau serta pintar yang akan menjadi inspirasi negara," ujarnya.

Difahamkan, kerja-kerja menaik taraf adalah melibatkan pembinaan laluan pejalan kaki dan trek urutan refleksologi, penanaman pokok serta pemasangan alat-alat permainan yang bakal memberi manfaat kepada lebih 2,000 penghuni di kawasan perumahan berkenaan.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri juga sedia mempertimbangkan permohonan Lip Chee untuk membina semula pasar awam di sini dengan anggaran kos berjumlah RM1.5 juta.

"Sekiranya permohonan ini diluluskan, kita jangka kerja-kerja pembinaan akan dimulakan pada awal tahun depan," jelasnya.

## Wujud jawatankuasa khas teliti akta dan undang-undang pengoperasian kerja tanah

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri bakal mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi meneliti secara holistik dan mengetatkan akta-akta sedia ada berkaitan pengoperasian kerja-kerja tanah di Pulau Pinang.

Perkara itu dimaklumkan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo ketika mengadakan sidang media khas bagi menjawab isu pengoperasian kuari haram dekat Teluk Bahang yang dilaporkan oleh beberapa media tempatan sejak 1 Oktober lalu.

Beliau berkata, jawatankuasa khas tersebut akan melihat kepada akta sedia ada yang telah dikenal pasti sama ada ianya perlu dibuat pindaan ataupun mewujudkan garis panduan baharu berhubungnya.

"Kita (jawatankuasa) akan melihat kepada kekangan yang ada terutamanya daripada segi perundangan… sama ada boleh dicadangkan supaya pindaan dibuat ataupun garis panduan baharu diwujudkan untuk menjadikan tanggungjawab serta tugasan jawatankuasa untuk mengambil tindakan penguatkuasaan lebih efektif pada masa akan datang.

"Ianya akan menjadi penghalang kepada individu-individu yang ingin melakukan operasi (tanah) sedemikian pada masa hadapan," tegasnya ketika mengadakan sidang media bersama-sama Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh serta wakil-wakil berkaitan di sini 4 Oktober lalu.

Pengarah Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. A. Rajendran dan beberapa wakil jabatan negeri serta Persekutuan lain turut hadir sama.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa jawatankuasa khas berkenaan yang diketuai oleh beliau sendiri akan meneliti serta melakukan semakan semula ke atas tujuh undang-undang dan garis panduan sedia ada.

"Antara undang-undang dan garis panduan yang telah dikenal pasti ialah Akta 172 Perancangan Bandar dan Desa 1976; Akta 171 Akta Kerajaan Tempatan 1976; Akta 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974; Akta 127 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974; Undang-undang Kecil Kerja Tanah 1976 di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974; Kaedah-kaedah Kuari Pulau Pinang 2018 di bawah Kanun Tanah Negara 1965 serta Garis Panduan Keselamatan Lereng Bukit Pulau Pinang 2012.

"Kita (jawatankuasa) akan menelitinya secara holistik, dan pengoperasian kerja-kerja tanah ini tidak hanya tertumpu kepada kuari ataupun lereng bukit sahaja, tetapi ia secara komprehensif melibatkan semua kawasan," ujarnya sambil memaklumkan bahawa pihak lain yang akan menganggotai jawatankuasa berkenaan adalah kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri dan Penasihat Undang-undang Negeri.

Terdahulu, sejak 1 Oktober lalu beberapa media tempatan melaporkan bahawa terdapat kuari granit yang beroperasi secara haram dekat Teluk Bahang hingga mengakibatkan kemusnahan alam sekitarnya.

Tampil menjelaskan perkara tersebut, Rajendran berkata bahawa berdasarkan Kaedah-kaedah Kuari Pulau Pinang 2018 di bawah Kanun Tanah Negara yang diwartakan pada 1 Julai 2019, Perkara 19 (3) menyatakan bahawa mana-mana pengusaha kuari iaitu kuari yang telah beroperasi sebelum 26 Mei 2010 hanya perlu mengemukakan pelan kerja tanah kepada PBT untuk tujuan kelulusan dan kawalan.

Ulasnya, ekoran tiada pelan kerja tanah dikemukakan untuk kelulusan, pihak MBPP telah mengeluarkan notis di bawah Seksyen 70A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 iaitu Notis Menghendaki Kerja Tanah Diberhentikan kepada pemunya tanah pada 14 Februari lalu.

"Malah, kita (MBPP) juga telah menjalankan siasatan tapak melalui Ops Bersepadu bersama-sama agensi-agensi serta jabatan teknikal kerajaan iaitu Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya (PDT DBD), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Kesihatan Negeri (PKN) serta Jurukur lantikan Majlis (27 Julai 2019) bagi tujuan tindakan penguatkuasaan.

"Susulan daripada penyiasatan di tapak, pelan-pelan ukur telah disediakan berserta kertas siasatan dan maklumat-maklumat terkini pemunya tanah telah diperoleh.

"Terbaharu (26 September lalu), satu mesyuarat telah diadakan bersama-sama Penasihat Undang-undang MBPP, Jabatan Penguatkuasaan MBPP, Polis Diraja Malaysia (PDRM), JMG, PDT DBD serta Jabatan Parit dan Saliran DBD bagi memutuskan tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya diambil.

"Kita (MBPP) akan menyelaraskan tindakan penguatkuasaan bersama di tapak dengan JMG dan PTG yang akan disusuli dengan tindakan pendakwaan tertakluk kepada keputusan Timbalan Pendakwa Raya," jelas beliau.

# Pengarah JPS ramal hujan lebat sehingga November

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**SEBERANG JAYA -** Pulau Pinang akan mengalami perubahan monsun dan fenomena hujan lebat bagi tempoh kira-kira tiga bulan bermula pada hujung September lepas.

Pengarah Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang, Ir. Shukri Muslim berkata demikian ketika mengulas mengenai fenomena hujan lebat yang bertembung dengan air laut pasang hingga membawa banjir kilat di beberapa kawasan Daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Tengah (SPT).

"(Purata taburan) hujan (tahunan) di tanah besar (Seberang Perai) dianggarkan lebih kurang adalah 2,300 milimeter (mm), sehingga bulan September baru turun hujan 1,000 mm, ini bermakna ada lagi 1,300 mm akan turun dalam tempoh tiga bulan ini (Oktober hingga Disember 2019).

"Mengikut data statistik kita, hujan (lebat) mula turun bermula pada hujung bulan September hingga November.

"Dalam tempoh enam minggu ini, sangat kritikal, semua kita perlu berjaga-jaga, saya harap air hujan yang turun tidak sejumlah macam 8 Oktober lepas (iaitu) hampir 200 mm (purata taburan hujan) dalam sejam," jelas beliau dalam sidang media bersama-sama Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo di sini pada 10 Oktober 2019.



**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri) dan Ir. Shukri Muslim (kiri sekali) meneliti pelan berkaitan sambil dijelaskan oleh Sr. Rozali Mohamud (dua dari kanan) pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

Turut serta, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud dan Pengarah Kejuruteraannya, Baderul Amin Abdul Hamid.

Mengimbau kembali bencana bah besar yang melanda negeri ini bermula pada 4 dan 5 November 2017, Shukri memberitahu bahawa taburan hujan harian pada ketika itu antara 300mm hinggga 400mm sahaja.

"Apa yang saya nak sebutkan di sini, ada beberapa kawasan penempatan awal adalah berada di kawasan yang agak rendah.

"Apabila air laut pasang pada ketinggian mencecah tiga meter (m), akan berlaku banjir, akan melimpah masuk ke kawasan-kawasan penempatan yang lama, sebagaimana disebut oleh Datuk Bandar (MBSP).

"Untuk mengurangkan risiko banjir ini, kita perlu untuk pam air keluar ke semua sungai yang ada, walaupun ketika berlakunya air pasang dan hujan terlalu lebat, dan kos penyediaan pam ini sangat mahal," ujarnya sambil meminta semua pihak berada dalam situasi berjaga-jaga.

Pada 8 Oktober lepas, antara jam 5.30 petang hingga 7.30 malam, hujan lebat yang bertembung dengan limpahan air dari parit monsun telah mengakibatkan banjir kilat di SPU dan SPS.

Sekitar Mak Mandin, Taman Cantik, Taman Sentul, Jalan Perusahaan, IKS Juru, Taman Binjai, Taman Bayu Mutiara, Kampung Dock, Kebun Sireh, Kampung Teluk, Jalan Bukit Minyak, Jalan Tembikai, Jalan Tol Kangar, Taman Bukit Minyak Indah, Taman Cendana dan Taman Sukun antara kawasan yang dilanda banjir kilat.

Mengulas lanjut, Jagdeep menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini memang sedang menyiapkan beberapa projek mitigasi berskala besar di bahagian Seberang Perai, yang kesemuanya dijangka siap pada Mac 2020.

"Untuk kawasan Mak Mandin umpamanya, kerja-kerja membina rumah pam, naik taraf parit dan sungai untuk mempercepatkan air dari taman dikeluarkan ke Sungai Perai dijangka siap pada Mac 2020, yang mana kos projek bernilai RM40 juta," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Tambah Jagdeep, JPS negeri untuk tempoh 10 tahun akan datang termasuk bagi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang akan dibentangkan pada bulan ini, memohon RM1.7 bilion peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk projek-projek mitigasi banjir.

Jelasnya, MBSP turut memohon RM62 juta untuk projek-projek mitigasi banjir berskala kecil dan sederhana, daripada Kerajaan Persekutuan sempena pembentangan RMK-12 bagi tempoh tahun 2020 hingga 2025.

## Karnival Jom Heboh, platform baik bagi usahawan

**BUKIT TAMBUN -** Karnival Jom Heboh merupakan sebuah platform yang baik bagi peniaga kecil memperkenalkan produk masing-masing di samping hiburan yang sesuai untuk seisi keluarga.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow selepas mengadakan lawatan ke sekitar tapak Karnival Jom Heboh edisi Pulau Pinang yang berlangsung dekat Dataran Stadium Batu Kawan di sini 29 September lalu.

"Ini kali pertama saya hadir dalam Karnival Jom Heboh. Saya rasa program ini sangat baik dan diharapkan dapat diadakan setiap tahun di Pulau Pinang.

"Selepas ini, kita (Kerajaan Negeri) akan lihat kolaborasi lain bersama Media Prima dan kita juga sedia meneliti jenis kerjasama yang boleh dijalinkan pada masa akan datang," ujarnya semasa ditemui pada penganjuran berkaitan.

Hadir sama, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato' Mohd. Bazid Abd. Kahar; Ketua Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa dan Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Syed Hussain Aljunid serta Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima Berhad, Datuk Kamal Khalid.

Karnival Jom Heboh anjuran Kumpulan Media Prima Berhad (MPB) berlangsung selama dua hari dengan menyediakan pelbagai aktiviti keluarga bersama-sama barisan artis popular serta selebriti TV3, TV9, 8TV dan NTV7 dan rangkaian radio Hot FM serta Kool FM.

Difahamkan, kira-kira 400,000 pengunjung membanjiri tapak karnival berkenaan untuk mengambil peluang bertemu dan beramah-mesra bersama-sama artis tanah air.

Selain itu, lebih 100 gerai jualan turut dibuka kepada pengunjung bagi memberi pilihan kepada mereka membeli-belah pada harga lebih murah.



# Unit KR, KSR dan RMM, optimis capai sasaran menjelang 2030



JAGDEEP Singh Deo (barisan hadapan, dua dari kiri), Ong Ah Teong (barisan hadapan, tiga dari kiri), R.S.N. Rayer (kiri sekali) mengadakan lawatan khas sejurus Majlis Penyerahan Projek Mengecat Enam Blok Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Rumah Pangsa Batu Lancang di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**BATU LANCANG –** Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo optimis Kerajaan Negeri mampu mencapai sasaran 180,000 unit rumah Kos Rendah (KR), Kos Sederhana Rendah (KSR) dan rumah mampu milik (RMM) menjelang tahun 2030.

Menurut Jagdeep, sasaran baharu penyediaan rumah mampu milik pelbagai kategori tersebut adalah selaras dengan Visi Penang2030 yang diaspirasikan Ketua Menteri.

"Dari tahun 2008 hingga kini (2019), kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang) telah melepasi sasaran dalam manifesto Pilihan Raya Umum (PRU) lalu iaitu untuk menyediakan sejumlah 76,000 rumah mampu milik, yang mana kini di seluruh Pulau Pinang telah mencecah 103,000 unit.

"Angka (103,000) ini merangkumi 30,000 sudah dibina, pelbagai peringkat pembinaan (40,000) dan bakinya telah diluluskan pembinaannya.

"Justeru, selaras dengan visi Ketua Menteri, Kerajaan Negeri telah meletakkan satu sasaran baharu iaitu untuk mencapai 180,000 unit KR, KSR dan RMM menjelang tahun 2030," ujarnya pada Majlis Penyerahan Projek Mengecat Enam Blok Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Rumah Pangsa Batu Lancang di sini 14 September lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong, R.S.N. Rayer (Ahli Parlimen Jelutong), 'Ainul Fadhilah Samsudi (Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ir. Goh Kiet Rhee (Jurutera Daerah bagi JKR Daerah Timur Laut).

Enam blok Rumah Pangsa Batu Lancang atau lebih dikenali sebagai Flat Bata Merah di sini telah siap dicat semula dengan kos sebanyak RM385,000 yang ditanggung keseluruhannya oleh Kerajaan Negeri.

Mengulas lanjut, Jagdeep yang juga ADUN Datuk Keramat memberitahu bahawa pihak Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri juga telah menerima permohonan untuk menukar tangki air berkapasiti 2,000 liter di keenam-enam blok rumah pangsa berkenaan.

"Bahagian Perumahan tengah proses untuk menukar tangki sedia ada daripada 1,500 liter kepada 2,000 liter dengan kos keseluruhan dijangka adalah sebanyak RM300,000," tambah beliau.

Dalam pada itu, Jagdeep turut melahirkan harapan agar Kerajaan Persekutuan yang ditadbir Pakatan Harapan akan meluluskan bantuan kos penyelenggaraan melalui tabung-tabung berkaitan di peringkat Pusat yang telah dimohon Kerajaan Negeri sekian lama semenjak pentadbiran era Barisan Nasional dahulu.

"Dulu kita (Pulau Pinang) dianaktirikan, tapi kini kita harap (YB) Zuraida dapat luluskan.

"Apabila Parlimen bersidang tidak lama lagi, kita minta YB Rayer panjangkan permohonan dari Pulau Pinang di bawah dua tabung penyelenggaraan peringkat Pusat, suarakan hal ini di Parlimen.

"Diharap YB Zuraida (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan) dan Pusat dapat mempertimbangkan RM28.7 juta untuk pelbagai penyelenggaraan di projek perumahan awam negeri dan RM72.1 juta untuk skim perumahan swasta melalui kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) negeri, kalau tidak boleh bagi sekaligus, secara ansuran pun boleh," katanya.

## Majlis Fiesta Perkahwinan Beramai-ramai JPN zahir perkhidmatan dekat dengan masyarakat

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Chow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan sentiasa memberi sokongan kepada jabatan-jabatan yang berada di barisan hadapan agar dapat memberi serta mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan dengan cemerlang.

Beliau berkata demikian pada Majlis Fiesta Perkahwinan Beramai-ramai Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Pulau Pinang di sini 19 September lalu.

"Selari dengan moto jabatan berkaitan iaitu 'Rakyat di Hati JPN', saya percaya bahawa perkahwinan beramai-ramai melibatkan 24 pasangan pengantin di JPN Pulau Pinang ini mampu mengeratkan fungsi JPN secara terus dengan masyarakat.

"JPN yang merupakan antara jabatan penting dalam komuniti dapat menggunakan pendekatan sebegini untuk menzahirkan perkhidmatan mereka supaya lebih dekat kepada masyarakat," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Pengarah JPN Negeri Pulau Pinang, Nur Zulfa Ibrahim; Timbalan Pengarah JPN Negeri Pulau Pinang, Azniza Osman; pegawai-pegawai JPN serta keluarga pasangan-pasangan pengantin.

Mengulas lanjut mengenai majlis tersebut, Kon Yeow memberitahu bahawa ianya mampu memberikan satu pengalaman menarik dan indah kepada semua pasangan pengantin baru itu.

"Saya sebagai Pendaftar Perkahwinan bagi negeri Pulau Pinang juga merasakan bahawa acara bertemakan *The Joining Hearts and Souls* ini bakal meninggalkan kenangan luar biasa kepada saya.

"Tahniah dan syabas kepada warga kerja JPN yang telah berjaya menganjurkan acara yang penuh bersejarah ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Dalam perkembangan sama, Kon Yeow menyatakan bahawa rekod perkahwinan pertama yang disimpan dalam buku lejer JPN Pulau Pinang adalah bertarikh 25 Jun 1890 bagi pasangan bernama William Southerland Frase dan Annie Towers.

Dalam pada itu, Nur Zulfa menyatakan bahawa majlis tersebut merupakan kali kelima diadakan JPN Pulau Pinang dalam meraikan pasangan pengantin.




# *GrabTea*, kiosk separa robot pertama negara di Pulau Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN** – Kiosk minuman separa robotik pertama di Malaysia dikenali sebagai *GrabTea* kini dibuka di pusat membeli-belah Gurney Plaza, Pulau Pinang.

Tidak seperti kiosk minuman *boba* lain, *GrabTea* membolehkan pengunjung menyaksikan sendiri 'tangan' robot bergerak membuat minuman pilihan. Dari membancuh sehingga menutup cawan, segalanya dilakukan sama seperti manusia.

Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan Negeri Pulau Pinang, Yeoh Soon Hin berbangga apabila Grab Tea Malaysia memilih Pulau Pinang untuk membuka outlet pertama mereka.

"Pulau Pinang sentiasa mengalu-alukan pembangunan AI *(artificial intelligence)* di negeri ini dan kiosk minuman ini merupakan revolusi industri AI yang mengagumkan," katanya ketika hadir merasmikan pembukaan kiosk berkaitan di sini 21 September lalu.

Beliau yang mewakili Ketua Menteri pada upacara perasmian tersebut turut menzahirkan ucapan tahniah apabila *GrabTea* berjaya menempa nama dalam *The Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai 'Kiosk Minuman Robotik Pertama di Malaysia'.

"Sebagai Exco yang diberi tanggungjawab dalam pembangunan pelancongan, kesenian, kebudayaan dan warisan, saya amat menggalakkan pemain industri untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam mempromosikan produk terbaharu.

"Inilah trend semasa dan Pulau Pinang perlu mengikut rentak agar kekal kompetitif dalam pasaran pengguna terutama apabila kita (Kerajaan Negeri) sedang mempromosikan *Experience Penang Year 2020* (EPY2020).

"Tambahan pula, inisiatif ini adalah selaras dengan Visi Penang2030 yang digagaskan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri memfokuskan keluarga, hijau dan pintar yang menginspirasikan negara," jelasnya yang turut mencuba minuman disajikan robot berkenaan.



**YEOH Soon Hin (tiga dari kanan) menyaksikan penyerahan sijil pengiktirafan MBOR kepada wakil *GrabTea* sempena perasmian kiosk berkaitan di sini baru-baru ini.**

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Chris Lee Chun Kit; Ketua Pegawai Eksekutif MBR, Datuk Michael Tio; Ketua Pegawai Operasi MBOR, Christopher Wong; Pengasas *GrabTea*, Ang Wei Liang; pengasas bersama *GrabTea*, Ng Yew Keeng dan Pengarah Eksekutif *GrabTea*, Hong San San.

Dalam pada itu, Michael Tio ketika ditemui berkata bahawa pihaknya menyokong mana-mana entiti yang melabur dalam industri automasi, selaras dengan kehendak Revolusi Industri 4.0.

"Misalnya, minuman teh boba *(bubble tea)* kini sohor dan menjadi bidang perniagaan yang kompetitif. *GrabTea* pula muncul dengan cara yang unik iaitu menyaji minuman menggunakan robot dan ia sesuatu yang luar biasa," ujarnya.

Difahamkan, bagi rakan kongsi *GrabTea*, mereka mengambil masa selama setahun membuat kajian sebelum memutuskan untuk memulakan perniagaan berkenaan.

"Idea menggunakan 'tangan' robot tercetus ketika saya bercuti di Jepun pada tahun 2017 yang mana di sana 'tangan' robot digunakan untuk menyajikan aiskrim kepada pelanggan.

"Mesin 'tangan' robot dibeli dari Jepun manakala bahagian-bahagian lain diperoleh dari Taiwan dan China. Begitu juga bahan-bahan minuman ini diperoleh dari Taiwan yang cukup terkenal dengan minuman *boba*.

"(Dan) kami berharap dapat melebarluaskan lagi outlet ini di seluruh negeri di Malaysia dan rantau ini," ulas Wei Liang.


Membentuk semula masa depan kawasan Balik Pulau




BOTANICA CT CENTRE

KEDAI PEJABAT DUA TINGKAT

Keluasan Tanah 20' x 91'
Keluasan Binaan 2,855 kps



MTT Est. 1963
MTT Properties & Development Sdn Bhd (691685-V)
Pejabat Jualan
No 8 -10, Jalan Sungai Air Putih, Bandar Baru Air Putih, 11000 Balik Pulau, Penang, Malaysia.
Tel: +604-866 2399 Fax: +604-866 5388 E-mel: botanica.ct@mttprop.com.my

+604 866 2399
www.botanica-ct.com.my

Semua maklumat dan spesifikasi di sini adalah tertakluk kepada variasi, pengubahsuaian dan pindaan seperti yang diperlukan oleh pihak berkuasa yang berkaitan atau perunding / arkitek daripada pemaju dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada tawaran atau kontrak. Penulisan dan ilustrasi adalah hanya kesan artis dan semua penyukuran adalah anggaran tertakluk kepada tinjauan akhir. Sementara itu, penjagaan yang munasabah telah diambil kira dalam menyediakan iklan ini. Oleh yang demikian, pihak pemaju, ejen atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk apa-apa ketidaktepatan. Hak cipta terpelihara.

# Demonstrasi perkhidmatan 5G, Pulau Pinang paling sesuai

**BERTAM –** Pulau Pinang turut tersenarai antara enam buah negeri yang bakal menjalani demonstrasi rangkaian perkhidmatan Generasi Kelima (5G) bagi tempoh antara Oktober 2019 sehingga Mac 2020.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo ketika ditemui menzahirkan harapan agar pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dapat memberikan keutamaan kepada Pulau Pinang dengan mengambil kira pelbagai inisiatif pintar yang dibangunkan di negeri ini sejak 11 tahun lalu.

"Pulau Pinang telah memulakan langkah awal untuk mewujudkan bandar pintar sebagai sebahagian daripada Visi Penang2030 yang memfokuskan kekeluargaan dalam persekitaran hijau dan pintar yang mampu mengaspirasikan negara.

"Baik di bahagian pulau atau Seberang Perai, kita (Kerajaan Negeri) telah melaksanakan beberapa inisiatif yang lebih maju untuk menjadi bandar pintar dan semuanya berjalan dengan lancar sekali.

"Oleh itu, saya percaya bahawa Pulau Pinang merupakan negeri paling sesuai untuk menjalani ujian bagi projek demonstrasi 5G tersebut," katanya pada sidang media selepas merasmikan program Digital @Seberang Perai dekat Pasar Raya Mydin Bertam di sini 5 Oktober lalu.

Hadir sama, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Ahli-ahli Majlis bagi MBSP dan Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Rosnani Mohamud.

Dalam pada itu, Pegawai SKMM Bahagian Utara, Mohamad Rizal Ahmad yang turut hadir pada majlis berkaitan berkata bahawa pelbagai aplikasi yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menarik perhatian SKMM untuk memperkenalkan perkhidmatan 5G di negeri ini.

"Sebagaimana diumumkan pada 30 September lalu, Pulau Pinang tersenarai antara enam negeri bakal dilaksanakan projek demonstrasi 5G yang akan memberikan tumpuan kepada tiga fokus utama iaitu bandar pintar, industri pembuatan serta pelancongan.

"Di Pulau Pinang, ketiga-tiga bidang tumpuan utama sudah ada dan kita (SKMM) akan gunakan platform demonstrasi 5G dalam tiga bidang utama yang ditetapkan ini," jelasnya.

Terdahulu, Pengerusi SKMM, Al-Ishsal Ishak mengumumkan bahawa projek demonstrasi 5G akan dilaksanakan di 32 tapak 5G di enam negeri iaitu Kedah, Perak, Pulau Pinang, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selama enam bulan.



**Jagdeep Singh Deo (duduk, dua dari kiri) dan Sr. Rozali Mohamud (kiri sekali) menyaksikan demo *Microbit Robot* yang ditampilkan sambil turut diperhatikan salah seorang pengunjung cilik pada penganjuran program Digital @ Seberang Perai di sini baru-baru ini.**

Difahamkan, projek tersebut bakal melibatkan komitmen lapan buah syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi ternama seperti Altel Communications Sdn. Bhd.; Celcom Axiata Bhd.; Digi.Com Bhd.; Telekom Malaysia Bhd.; edotco Group Sdn. Bhd.; Maxis Bhd.; Petronas dan U Mobile Sdn. Bhd. dengan pelaburan awal bernilai RM116 juta.

# Digital @Seberang Perai, perkasakan penyampaian perkhidmatan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BERTAM –** Inisiatif Digital @Seberang Perai yang dilancarkan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) adalah sebagai usaha memperkasakan penyampaian perkhidmatan kepada penduduk secara lebih mudah dan pantas.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo yang hadir menyempurnakan pelancaran tersebut pada 5 Oktober lalu berkata bahawa MBSP menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama dalam negara yang mempunyai kaunter siber.

"Syabas dan tahniah diucapkan kepada MBSP kerana menganjurkan program sebegini selaras dengan hasrat Visi Penang2030 untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri pintar," ujarnya.

Dalam pada itu, Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa melalui inisiatif Digital @Seberang Perai, sebanyak 11 daripada 119 perkhidmatan keseluruhan yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) itu di kaunter berpusat secara manual kini boleh diakses melalui dalam talian *(online)*.

"Tujuan kita adakan Digital @Seberang Perai adalah untuk memperkenalkan kemudahan kaunter siber yang menyediakan 11 perkhidmatan secara maya (siber) iaitu aduan, cukai taksiran, cagaran, tender atau sebut harga, MBSPPay, tempahan kemudahan, pemaju, jawatan kosong, OSC Online, Klinik Panel dan permohonan lesen perniagaan.

"Selain itu, ia juga bertujuan mendidik masyarakat untuk menggunakan kaunter siber yang lebih efektif serta efisien selain menggabungkan semua perkhidmatan disediakan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan melalui satu platform.

"(Dan) pada masa akan datang, kita akan menggabungkan semua perkhidmatan sama ada yang disediakan oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan dalam satu kaunter untuk memudahkan urusan rakyat," jelasnya pada sidang media sejurus hadir pada perasmian program berkaitan di sini.



**SEBAHAGIAN pengunjung yang hadir pada Majlis Pelancaran Inisiatif Digital @Seberang Perai di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Ahli-Ahli Majlis bagi MBSP; Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Rosnani Mohamud; Pengarah Urusan Mydin Wilayah Utara, Datuk Dr. Saduruddin Gulam Husen serta Pengurus Besar Mydin Wilayah Utara, Azmin Saduruddin.

Difahamkan, selain MBSP, Digital @Seberang Perai turut melibatkan lima agensi kerajaan dan dua agensi swasta yang mempamer serta menawarkan perkhidmatan berasaskan teknologi digital.

Antaranya, Perpustakaan Digital Pulau Pinang (PDL); Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ); Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP); Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang; Jabatan Pendaftaran Negara (JPN); Cytron Technologies Sdn. Bhd. dan *Wessteck Multimedia*.



| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysrregnof@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Kalendar Pelancongan




Program-Program Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | Vadi Velan A/L Subramaniam | Seberang Perai Selatan | | 011 - 1144 1816 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



**Layari**

www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# CMS hasrat perluas inisiatif STEM ke seluruh komuniti



**ANTARA kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam program robotik di PSC.**

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING & NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**



**KANAK-kanak merasai pengalaman menyeronokkan semasa mengunjungi TDP yang merupakan salah satu acara dianjurkan akademi berkaitan.**

**PULAU PINANG** menjadi antara negeri paling awal di negara ini yang memperkenalkan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) kepada para pelajar sejak dari usia muda dalam usaha mencapai status negeri maju dan pintar menjelang 2030.

Malah, sebagai sebuah negeri perindustrian dan bergantung kepada kemahiran serta bakat, Kerajaan Negeri amat memberikan tumpuan kepada pengkhususan STEM demi memastikan negeri lebih berdaya saing dalam skala global dan berjaya dalam Revolusi Industri 4.0.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Kerajaan Negeri melancarkan pelbagai inisiatif termasuk membentuk organisasi seperti Penang STEM Sdn. Bhd. (Penang STEM) pada 2017 yang bertindak menyelaraskan enam Pusat Kecemerlangan (COE) bagi menerajui pendidikan STEM dengan pelaburan berjumlah RM68 juta.

Enam COE dimaksudkan adalah Pusat Pembelajaran Karpal Singh Pulau Pinang yang juga dikenali *Penang Math Platfrom* (PMP); pusat penemuan sains dan teknologi (*Tech Dome Penang*, TDP) dan perpustakaan digital pertama di Malaysia (*Penang Digital Library*, PDL Fasa I dan II).

Manakala, @CAT Penang pula merupakan sebuah platform yang menyediakan teknologi, sokongan serta perkhidmatan kepada komuniti di bawah satu bumbung selain *Penang Science Cluster* (PSC) dan Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC).

Walau bagaimanapun, usaha menjayakan sesuatu inisiatif yang dilaksana tidak boleh hanya diletakkan di bahu Kerajaan Negeri semata-mata, sebaliknya memerlukan penglibatan semua pihak termasuk individu, agensi kerajaan, syarikat swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Menyedari perkara itu, *Central Muslim Society* (CMS) iaitu sebuah NGO bukan berasaskan keuntungan turut mengambil langkah menubuhkan pusat sumber pertamanya untuk pelajar, dengan harapan dapat membina bakat dan mencetuskan minat kanak-kanak dalam STEM melalui penubuhan *Community Digital Academy (CDA)*.

## Penubuhan pusat sumber

Organisasi tersebut berhasrat untuk menubuhkan pusat sumber pertamanya dekat Jalan Kedah menjelang suku kedua tahun depan.

Timbalan Pengerusi CDA, Mohd. Zafir Abd. Alieem berkata bahawa pusat sumber berkeluasan 1,200 kaki persegi itu bakal ditubuhkan di tingkat tiga bangunan Persatuan Hidayatul Islam dekat Jalan Kedah.

"Kami berharap agar dapat mewujudkan sudut perpustakaan digital, ruangan bengkel dan ruang kolaborasi di perpustakaan ini kerana kami berhasrat untuk merapatkan jurang pengetahuan antara masyarakat dalam bidang sains dan teknologi.

"Selain itu, kami juga berharap agar dapat menggerakkan lebih banyak program serta aktiviti pendidikan kepada pelajar-pelajar khususnya yang datang daripada keluarga berpendapatan rendah (B40).

"Kanak-kanak dalam kategori B40 mungkin tidak mempunyai peluang sama seperti kanak-kanak lain daripada segi pendidikan. Oleh itu, kami ingin memberi mereka peluang untuk belajar STEM, membimbing mereka menjadi individu holistik dan mengembangkan kemahiran kepimpinan mereka," katanya kepada Buletin Mutiara semasa ditemui dekat PDL Fasa II baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mohd. Zafir menjelaskan bahawa CDA telah ditubuhkan pada tahun lepas (2018) di bawah naungan CMS.





**KETUA Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow (berbaju batik perang) bergambar kenangan-kenangan bersama-sama sukarelawan CDA pada majlis menandatangani MoU bersama Penang STEM baru-baru ini.**

"CMS terdiri daripada lima organisasi, iaitu Persatuan Muslim Bersatu (UMA), Anjuman Himayatul Islam, Persatuan Muslim Kadayanallur, Persatuan Hidayatul Islam dan Persatuan Nurul Islam.

"CMS ditubuhkan pada tahun 1953 apabila empat pengasas organisasi berkaitan bersetuju untuk bergabung dan membentuk CMS, manakala Persatuan Nurul Islam pula menyertai CMS pada awal tahun ini (2019)," ujarnya.

## Penglibatan golongan muda

Dalam pada itu, strategi pendidikan CDA, Aznan Nagor menyatakan bahawa akademi berkenaan kini mempunyai 19 sukarelawan dan lapan penasihat.

"Akademi ini kini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai pendidikan STEM dalam bentuk pelaksanaan projek, dan kami berharap agar STEM dapat dipromosikan dengan lebih berkesan apabila pusat sumber yang sedang dibina siap sepenuhnya.

"Kami juga telah melibatkan kanak-kanak serta remaja berusia tujuh hingga 17 tahun dalam setiap aktiviti yang kami anjurkan sebelum ini," jelasnya.

Dalam pada itu, penyelaras projek STEM, Syed Nasir Mohamed memberitahu bahawa CMS juga telah menubuhkan Tabung Sosio Ekonomi bagi membantu ekonomi masyarakat kurang bernasib baik (terutamanya masyarakat B40) secara besar-besaran.

"Sebahagian sumbangan yang diterima digunakan untuk menyokong penubuhan pusat sumber akademi.

"Justeru, kami berharap agar masyarakat di luar sana dapat menghulurkan sumbangan dengan seikhlas hati bagi menyokong tujuan tersebut," serunya.

Difahamkan, sebelum ini, akademi berkenaan telah menganjurkan beberapa program berkaitan robotik, penerokaan ruang angkasa lepas dan *Google Drive* untuk golongan kanak-kanak.

Terbaharu, CMS juga telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Penang STEM bagi membolehkan kelas pembelajaran STEM dilangsungkan di lima pusat yang diwujudkan kelak.

Bagi yang ingin menyumbang kepada akademi boleh menghubungi presiden akademi, Tajuddin Mashood di 019 -551 1377 atau setiausaha, Salleh Gani, 019 - 470 3690.



**BARISAN pengurusan CDA. Dari kiri: Syed Nasir Mohamed (Penyelaras Projek STEM); Muhammad Ramazhan Rahmahullah (fasilitator); Mohd. Zafir Abd. Alieem (Timbalan Pengerusi CMS); Muhammad Zubir Zainol Ahmad (fasilitator); Muhd. Munir Shaikh Abdullah (fasilitator) dan Aznan Nagor (strategi pendidikan).**

# Sub-perjanjian Pakej 2 dimeterai

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



**KETUA Menteri berjabat tangan dengan Azmi Khalid (lima dari kanan) sejurus Majlis Menandatangani 'Sub-Agreement in Relation to the Construction of a By-Pass from Bandar Baru Air Itam (Farlim) Connecting to Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eng (Package 2) in the State of Penang' di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang memeterai sub-perjanjian bagi memulakan pembinaan Pakej 2 iaitu jajaran sepanjang 5.7 kilometer (km) yang menghubungkan Lebuhraya Thean Teik di Bandar Baru Air Itam dan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu berdekatan Jabatan Laut Wilayah Utara, Gelugor.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, jajaran yang bermula dari Bandar Baru Air Itam ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu itu menelan kos sebanyak RM851,040,000.

"Jajaran Pakej 2 ini adalah salah satu komponen Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) serta bakal dilaksanakan berdasarkan kontrak *'lump sum'*.

"Tempoh pelaksanaan projek ini pula adalah selama 36 bulan mulai (upacara) pecah tanah (di tapak projek) pada 31 Oktober 2019," ujarnya pada sidang media sejurus menandatangani sub-perjanjian berkaitan di sini 11 Oktober lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memaklumkan bahawa jajaran tersebut merangkumi seksyen jejambat atau *elevated section* sebanyak 70 peratus dan selebihnya merupakan seksyen jalan biasa atau *at-grade*.

"Projek ini bertujuan untuk menambah baik penyuraian trafik di kawasan-kawasan yang mengalami kesesakan jalan raya yang serius.

"(Dan) menjadi harapan saya serta hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang agar projek ini dapat memberikan manfaat jangka panjang kepada rakyat keseluruhannya," katanya.

Terdahulu, Kon Yeow mewakili Kerajaan Negeri Pulau Pinang menandatangani *'Sub-Agreement in Relation to the Construction of a By-Pass from Bandar Baru Air Itam (Farlim) Connecting to Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eng (Package 2) in the State of Penang'* dengan syarikat konsesi Consortium Zenith Construction Sdn. Bhd. (CZC) selaku kontraktor berwajib diwakili oleh Pengerusinya, Tan Sri Dato' Seri Azmi Khalid.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; barisan Exco Kerajaan Negeri; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Dato' Azhar Arshad; ex-officio; Pengarah Eksekutif Kanan CZC, Datuk Lee Chee Hoe serta wakil-wakil daripada Jabatan berkaitan.

Bercakap kepada pemberita, Azmi dalam pada itu berkata bahawa pihaknya menggunakan kepakaran kontraktor tempatan dan upacara pecah tanah bagi memulakan projek akan diadakan berdekatan Lebuhraya Thean Teik.

Sebagai rekod, Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong mempunyai tiga pakej iaitu Pakej 1 melibatkan jajaran dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang, Pakej 2 (Air Itam ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu) dan Pakej 3 (dari Persiaran Gurney dan sekitar *Central Business District* di George Town ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu).

Projek ini ditawarkan kepada CZC pada tahun 2013 melalui proses tender terbuka yang mana perjanjian awal atau *preliminary agreement* telah dimeterai bagi membolehkan pelaksanaan Kajian Kebolehlaksanaan Projek atau *feasibility study* dan Rekabentuk Terperinci projek berkaitan.

Lanjutan perolehan kelulusan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) Jadual Kedua dari Jabatan Alam Sekitar pada 7 November 2017, Kerajaan Negeri mencadangkan untuk melaksanakan Pakej 2 terlebih dahulu dan pada 2 Oktober 2019, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju menandatangani sub-perjanjian Pakej 2 bagi membolehkan kerja-kerja pembinaan dimulakan.

# Pembaikan *The Rise*, Kerajaan Negeri serius

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengarahkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri untuk memantau rapi kerja-kerja pembaikan dan pemulihan kecacatan yang perlu dilaksana oleh pihak pemaju rumah mampu milik (RMM) *The Rise* dekat Jalan S.P. Chelliah di sini.

Arahan tersebut adalah lanjutan lawatan khas Kon Yeow yang meluangkan masa hampir satu jam turun padang ke bangunan Pakej B The Rise pada 12 Oktober lalu bagi mendengar aduan serta permasalahan pembeli-pembeli unit sebagaimana dilaporkan pihak-pihak berkaitan sebelum ini.

Menurut beliau yang juga Ahli Parlimen Tanjong, Kerajaan Negeri mengambil serius perkara ini dan pihak pemaju serta semua kontraktor dilantik (oleh mereka) mesti mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan masalah-masalah berbangkit yang dilaporkan oleh para pembeli.

"Sebagai pemaju, mengikut undang-undang di bawah perjanjian adalah bertanggungjawab untuk memperbaiki semua kecacatan yang dilaporkan oleh pembeli.

"Maka tanggungjawab ini perlu dilaksanakan oleh pemaju, dan PDC sebagai pengurus projek dan Bahagian Perumahan Negeri akan memantau secara rapi kemajuan kerja-kerja yang perlu dibaik pulih oleh pemaju.

"Saya percaya, para pembeli tidak berminat untuk mendengar alasan, mereka cuma ingin melihat tindakan diambil bagi setiap unit yang bermasalah dan kecacatan ini dibaik pulih segera.

"Pihak pemaju dan kontraktor dilantik mesti menjalankan tanggungjawab ini, wajib sehingga semua kecacatan ini diperbaiki bukan sahaja di unit-unit rumah, malah *common area* juga," tegasnya ketika mengadakan sidang media selepas sesi lawatan berkaitan.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Daniel Gooi Zi Sen (ADUN Pengkalan Kota); wakil-wakil PDC serta Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan pihak pemaju.

Pada 9 Oktober lalu, sejumlah 952 unit daripada keseluruhan 1,048 unit di Pakej B The Rise telah menerima kunci unit masing-masing berserta borang aduan kecacatan rumah.

Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi mengesahkan bahawa sehingga kini pihak pemaju telah menerima 500 borang aduan kecacatan daripada pembeli-pembeli unit dan 150 daripadanya telah diambil tindakan pemulihan.

"Baki 350 unit rumah akan diselesaikan secara berperingkat dalam jangka masa tiga bulan sepertimana yang dimaklumkan oleh pihak pemaju, tetapi kita (Kerajaan Negeri) berharap pihak pemaju boleh kerahkan lebih banyak tenaga kerja dan sumber yang ada supaya tempoh ini boleh dipendekkan.

"Bagi 150 unit yang telah dibaik pulih, anda masih boleh menghantar kali kedua laporan pembaikan sekiranya masih tidak berpuas hati dengan kerja-kerja penambahbaikan yang telah dilakukan," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota.

Pakej B The Rise berkenaan merupakan rumah mampu milik dengan harga jualan (C2) RM200,000 bagi 800 kaki persegi (kp) dan (C3) RM300,000 (900sqft).



# Hentikan Penderaan Seksual

**PULAU PINANG** akan meningkatkan kesedaran untuk menghentikan keganasan terhadap wanita melalui cabaran interaktif di Taman Tema ESCAPE pada 7 Disember 2019.

Belia yang menyertai *"The Orange Challenge: ESCAPE Sexual Abuse"* di taman tema ini akan berpeluang belajar tentang penderaan seksual dan langkah-langkah yang betul untuk membantu mangsa penderaan seksual melalui acara penutupan kempen *Penang Goes Orange* (PGO) 2019.

Cabaran Orange ditetapkan pada 7hb Disember, dari jam 7.30 pagi sehingga 10.30 pagi. Taman Tema ESCAPE menaja tempat dan telah mengecualikan yuran masuk yang berharga RM 147, supaya para peserta dapat menyertai cabaran tersebut dengan hanya harga pendaftaran sebanyak RM 45.00 sahaja untuk sepasukan tiga orang (dengan baju PGO percuma). 'Peserta' yang menamatkan cabaran pada pukul 10.30 pagi berhak mendapat tiket percuma untuk masuk semula ke dalam Taman Tema ESCAPE untuk menikmati kemudahan-kemudahan termasuk *'World's Longest Tube Water Slide'*/'Slaid Tube Air Yang Terpanjang di Dunia' yang baru dibuka. Pendaftaran kini boleh didapati di Howei dan pautannya boleh didapati di laman *Facebook* PWDC.

PGO merupakan kempen negeri Pulau Pinang yang dianjurkan dari bulan November sehingga Disember untuk meningkatkan kesedaran tentang pelbagai jenis dan bentuk keganasan yang dilakukan terhadap kaum wanita. Pada tahun ini, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) telah menetapkan tema penderaan seksual. Negeri Pulau Pinang merupakan negeri yang pertama dan hanya satu sahaja di Malaysia yang mengendahkan panggilan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk "Menghapuskan Keganasan Terhadap Wanita" dan telah mengadakan kempen PGO setiap tahun sejak 2014.

Acara penutup kempen PGO dijayakan atas perkongsian strategik dengan Taman Tema ESCAPE dan penajaan daripada *Dell Technologies* serta *Keysight Technologies.*




**PENDAFTARAN kini dibuka di *www.howei.com.***

## Pulau Pinang penggerak pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja

**DIALOG** Industri *'Childcare @ Workplace: A Business Imperative?'* telah diadakan pada 30 September, 2019.

Menurut laporan Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2018, kadar penyertaan pekerja wanita adalah 56.9%. Ini bermaksud hampir separuh golongan wanita yang berumur antara 15 dan 64 tahun di Malaysia tidak menerima pendapatan. Sebab-sebab yang diberikan sebagai alasan kaum wanita meninggalkan tenaga kerja adalah untuk menjaga keluarga (65%), kekurangan keseimbangan kehidupan dengan kerjaya (43%), bagi menjaga ahli keluarga (38%), upah penjagaan anak yang terlalu mahal (35%) dan kekurangan sokongan kemudahan untuk wanita daripada pihak majikan (34%). Satu kajian yang dijalankan oleh *TalentCorp* juga menunjukkan bahawa 63% kaum wanita mempunyai kesulitan untuk memasuki semula alam pekerjaan.

Bertentangan dengan kepercayaan popular, kemudahan penjagaan kanak-kanak mempunyai lebih kebaikan bagi kedua-dua pihak majikan dan pekerja dalam jangka panjang. Kajian *Harvard Business Review* pada tahun 2017 mendedahkan bahawa syarikat-syarikat yang mengamalkan keseimbangan dalam kehidupan dan pekerjaan termasuk perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dapat membawa kepada tahap pengeluaran yang meningkat sebanyak 2.25 kali. Satu tinjauan tentang pengekalan pekerja dari Bright Horizons *(Michigan State University)* juga mendapati bahawa 23% daripada ibu bapa menolak tawaran pekerjaan baru atau menahan diri daripada mengejar pilihan pekerjaan yang lain kerana manfaat mempunyai pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja mereka.

PWDC, bersama-sama dengan *TalentCorp* dan *JCI Pearl*, menganjurkan dialog industri ini dengan penyertaan syarikat perkilangan, sektor industri perkhidmatan, NGO dan agensi kerajaan untuk mempromosikan kepentingan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja. Shell, CIMB dan Modenas berkongsi pengalaman mendirikan pusat penjagaan kanak-kanak masing-masing, walhal JKM memberi taklimat tentang proses penubuhan.'

Setiap sesi melibatkan para peserta dan berunsur interaktif.'.



**FOTO kumpulan yang terdiri daripada para VIP, penceramah, peserta, tetamu dan krew.**




**WAKIL dari *Shell Malaysia* berkongsi pengalaman mereka dalam menubuhkan kemudahan pusat penjagaan anak di syarikat mereka.**



**WAKIL-wakil daripada syarikat-syarikat perkilangan, sektor perkhidmatan, NGO dan agensi-agensi kerajaan berkongsi pandangan mereka tentang halangan dan penyelesaian dalam penubuhan kemudahan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja.**

SETIA Sky Ville










**Kediaman Mewah di Lokasi Idaman Jelutong.**

Pembangunan pegangan bebas seluas 5.3 ekar di lokasi idaman Jelutong. Setia Sky Ville diilhamkan sebagai penanda aras baru kediaman pulau bertema resort yang moden. Dengan kelengkapan prasarana yang baik di pusat bandar Jelutong, penduduk Setia Sky Ville dapat menikmati gaya hidup yang mudah dan mewah. Nikmati keselesaan hidup yang berganda di Twin Gardens of Paradise, fasiliti yang lengkap untuk aktiviti harian. Setia Sky Ville menyediakan suasana nyaman dan indah demi kesejahteraan anda sekeluarga.

5% Diskaun Bumiputera

Wild Offers Waiting! WOW!

- Rebat Tunai
- 0% Bayaran Pendahuluan
- Pakej Perabot Percuma
- Duti Setem MOT Percuma

DISKAUN 10% PELEPASAN DUTI SETEM HOC 2019 Home Ownership Campaign

Tertakluk kepada terma dan syarat.

Kay Pride Sdn Bhd (177772-V)

Stay Together. Stay Setia
livelearnworkplay

Hubungi kami : 604 2828 255 / 604 641 2255
www.spsetia.com
Kay Pride Sdn Bhd (177772-V)
Setia Welcome Centre, SPICE, No. 108, Jalan Tun Dr. Awang, 11900 Pulau Pinang.
F 604 642 2255 E spi-sales@spsetia.com.my

Setia

Kay Pride Sdn Bhd •Setia Sky Ville: Kondominium (550 unit) • No. Lesen Pemaju: 11978-3/12-2019/03331(L) • Tempoh Sah: 18/12/2018 - 17/12/2019 • No. Permit Iklan dan Jualan: 11978-3/12-2019/03331(P) • Tempoh Sah: 18/12/2018 - 17/12/2019 • Hak Milik Tanah: Hak Milik Kekal • Tarikh Dijangka Siap: Oktober 2020 • Pelan Bangunan Diluluskan oleh: Majlis Perbandaran Pulau Pinang • No. Rujukan: MBPP/OSC/PB(7784)/15-SRT4(99) • Caj Tanah: HSBC • Harga: Blok 1A Minimum RM909,600.00 Maksimum RM1,325,520.00 Blok 1B Minimum RM918,240.00 Maksimum 1,324,320.00


# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

BERSATU DAN SETIA

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 7215
Peminjam : NATHAN A/L THIAGARAJAN - 74060407****
299 JALAN BUKIT PANCUR 14300
NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : SAKARAPANY A/LANNAMALAI - 48092507****
37 LORONG RAJAWALI 13, TAMAN BERJAYA
14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : SUKUMARAN A/L ARUMAIRAJAH - 66020708****
56 LORONG BUKIT PANCHOR 5, TAMAN
BUKIT PANCHOR, 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 7219
Peminjam : BAWANI A/P GOVINDARAJU - 75052807****
S.M.K. MACHANG BUBUK 14000
BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : SUBBAMA A/P APPANA - 46062408****
NO. 1338 LORONG RIA 9/8, TAMAN RIA 2,
PADANG SERAI 09400 KEDAH
Penjamin 2 : NAGANATHAN A/L MUTHIAH - 68072007****
14 SOLOK BULAN, TAMAN BAGAN AJAM
13000 BUTTERWORTH

No Akaun : 7253
Peminjam : NG YEW TUCK - 75102907****
BLOK 3A-5-2 PESIARAN LENGKUAS 1,
TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHIN YUEN KIN - 69073106****
57 JALAN SG 8/8, TAMAN SRI GOMBAK 68100
BATU CAVES, SELANGOR
Penjamin 2 : CHIN YEW CHOONG - (MENINGGAL DUNIA)
25 LORONG SUKUN 15, TAMAN SUKUN 14000
BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 7265
Peminjam : TOW LING CHEAH - 76082407****
59 TINGKAT SERINDIT 2, TAMAN DESA JAWI
14200 SUNGAI BAKAP, SPS
Penjamin 1 : HUANG WENG LEE - 75020907****
76 TINGKAT SERINDIT 2, TAMAN DESA JAWI
14200 JAWI, SPS
Penjamin 2 : LIM BENG SUN - A2722***
1287 JALAN BESAR 14200 SUNGAI BAKAP, SPS

No Akaun : 7288
Peminjam : ZUWAIRI BIN SHARIFF - 78012207****
SEKOLAH KEBANGSAAN SERI PERMAI,
JALAN TENGAH 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ALI JINAH SHARUDIN - 52060908****
NO. 61 JALAN 1A/8, BANDAR BARU
SUNGAI BULOH 47000 SELANGOR
Penjamin 2 : AHMAD NASIR BIN ISMAIL - 56091307****
8 LINTANG BUKIT KECIL 5, TAMAN SRI
NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 7295
Peminjam : SI CHONG WEI - 76061707****
NO. 41 JALAN KIAMBANG , OFF JALAN RAJA
UDA 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : SI CHONG KEONG - 73111007****
41 JALAN KIAMBANG, OFF JALAN RAJA UDA
12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : CHAN KIM HAR - 57011707****
37 LORONG MERBAU 1, TAMAN MERBAU,
BAGAN AJAM 13000 BUTTERWORTH

No Akaun : 7333
Peminjam : NORLIZA BINTI MOHD NOOR - 78052004****
6-19-6 SRI KRISTAL , LENGKOK ANGSANA
11500 BANDAR BARU AIR ITAM,
PILAU PINANG
Penjamin 1 : MOHD NOOR BIN BAKAR - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 258-B JALAN LUNAS, KELANG LAMA,
KULIM 09000 KEDAH
Penjamin 2 : ZAITON BT ABD RASHID - 58022607****
100-B KAMPUNG DURIAN BURUNG 09800
SERDANG, BANDAR BAHARU, KEDAH

No Akaun : 7388
Peminjam : MOHAMAD ZANIZAM BIN ROZALI - 78011307****
1164 MK 20, MENGKUANG MAK SULUNG,
KUBANG SEMANG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : HAJI YAHYA BIN HUSSAIN - (MENINGGAL DUNIA)
LOT 11792 JALAN BANJAR 36000
TELUK INTAN , PERAK
Penjamin 2 : HALIMATUS SA ADIYAH BT YAHYA - 69052508****
LOT 11792 JALAN BANGSAR 36000
TELUK INTAN , PERAK

No Akaun : 7389
Peminjam : SAIFUL HISZAM BIN HAZALI - 78040107****
LOT 912 JALAN SG RANTIN HILIR 1, KG EXPO
TAMBAHAN 34600 KAMUNTING, PERAK
Penjamin 1 : KINTAN BT IBRAHIM - 64092908****
8-G-12 TAMAN MESRA 13400 BAGAN
LALLANG, BUTTERWORTH
Penjamin 2 : MOHAMED ISZHAR BIN SAAD - 61102807****
896 JALAN TENGKU PUTRA, TELOK AYER
TAWAR 13500 BUTTERWORTH

No Akaun : 7414
Peminjam : ROMIZAN BIN BAHAROM - 76122407****
NO. 4 JALAN SELASIH U12/26A, TAMAN
CAHAYA ALAM, SEKSYEN U12, 40170
SHAH ALAM, SELANGOR
Penjamin 1 : HAMIZAH BT SUDIN - 55022407****
511 MK A, SUNGAI PINANG 11010
BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : AHMAD KAMAL BIN WAN - 61061907****
1 LORONG SUNGAI NIPAH, MUKIM G,
BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG

No Akaun : 7433
Peminjam : MUHAMMAD FAKHRURRAZY BIN MD ARIFF - 79101002****
NO 6 JALAN PINGGIRAN PUTRA 4/1, DESA
PINGGIRAN PUTRA 43000 KAJANG,
SELANGOR
Penjamin 1 : DAUD BIN BIDIN - 59090610****
NO. 1269 PERMATANG BERTAM 13200
KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MOHAMAD BIN ISMAIL - 56060501****
NO. 24 JALAN SETIA TROPIKA 6/11,
ALEXANDRE AVENUE, TAMAN SETIA
TROPIKA 81200 JOHOR BAHRU, JOHOR

No Akaun : 7513
Peminjam : NORZEENAT BT S HABEEB NOOHU - 76092207****
NO. 40 JALAN KAJANG IMPIAN 2/2, BANGI
43300 SELANGOR
Penjamin 1 : AZEEZA BEGAM BT HABEEB NOOHU - 58103007****
A3-4-6 HALAMAN AREKA , SUNGAI NIBONG,
BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SOBKI BIN SAAD - 53012007****
1023 JALAN PADANG CHEMPEDAK, PADANG
CHEMPEDAK 13310 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 7515
Peminjam : LIM CHZE SEONG - 75102608****
34 LORONG BERJAYA SETIA 2, TAMAN BERJAYA SETIA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : LIM AH KAN @ LIM SEH CHUAN - 45032008****
51 LORONG NANGKA 8, TAMAN DESA DAMAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LEE CHIN PING - 49092471****
5 TINGKAT BETEK 2, SUNGAI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 7536
Peminjam : SITI MARIAH BINTI ABD WAHAB - 78082307****
NO. 24 LORONG PAUH JAYA 2/7, TAMAN PAUH JAYA, JALAN BARU 13700 PERAI
Penjamin 1 : ABDUL MANAFF BIN ABDUL RAHIM - 52101807****
NO.103-C JALAN SUNGAI 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL WAHAB BIN ABDUL RAHIM - 50020107****
NO. 24 LORONG 2/7, TAMAN PAUH JAYA, JALAN BARU 13700 PERAI

# Kemajuan teknologi tuntut tawaran bakat seiring kemahiran semasa

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**BATU MAUNG –** Sektor awam dan swasta perlu bergerak seiringan dalam memastikan penawaran bakat berpengetahuan serta mahir memenuhi keperluan landskap Revolusi Industri 4.0.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, seiring kemajuan teknologi hari ini seperti robotik, *big data*, kecerdasan buatan (AI), IoT *(Internet of Things)* dan banyak lagi memerlukan penawaran bakat yang memiliki kemahiran semasa serta masa depan.

“Tidak dapat dielakkan, digitalisasi berlaku pesat di persekitaran kita… industri teknologi adalah salah satu yang sentiasa berubah dan membawa kepada inovasi yang meningkatkan perniagaan, masyarakat serta cara hidup kita.

“Dianggarkan kira-kira 54 peratus daripada pekerjaan semasa di Malaysia akan berubah kepada automasi, justeru kita sewajarnya menyusun semula sukatan pelajaran, latihan pekerjaan dan menyediakan program peningkatan kemahiran bagi membantu tenaga kerja sedia ada serta generasi pelapis berpindah dan menguasai gelombang baharu teknologi ini.

“Kita perlu mengambil kesempatan daripada pekerjaan dan peluang yang ada kerana ia akan menjadi kemahiran yang tinggi permintaannya pada tahun 2030 kelak,” ujarnya ketika hadir merasmikan *Dell Malaysia University Connect Program 2019* di sini 19 September lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif investPenang (iP), Dato’ Loo Lee Lian dan Pengarah Urusan Dell Technologies Malaysia, Pang Yee Beng.

*University Connect Program* merupakan inisiatif perintis Dell Technologies Malaysia dalam menggilap serta menyerlahkan bakat kemahiran dalam kalangan generasi pelapis terutamanya pelajar universiti yang memasuki alam pekerjaan selepas ini.

Pada program berkenaan, kira-kira 200 mahasiswa dari universiti awam dan swasta tempatan terlibat.

Dalam pada itu, Yee Beng ketika berucap berharap program perintis berkenaan akan memberi peluang kepada lebih ramai pelajar untuk dimanfaatkan.



**KETUA Menteri diberi penerangan berhubung operasi berkaitan sejurus merasmikan penganjuran *Dell Malaysia University Connect Program 2019* di sini baru-baru ini.**

“Dalam memastikan para graduan baharu memperoleh pekerjaan sewajarnya, pengasas Dell iaitu Michael Saul Dell mengarahkan agar setiap perjawatan baharu yang diambil, salah seorangnya perlulah graduan baharu, ia terpakai di semua cawangan Dell seluruh dunia, dan langkah tersebut dikira bertepatan apabila program berkenaan sememangnya idea kolaborasi daripada *GenNext* iaitu kakitangan generasi baharu kami” jelasnya.

## Pulau Pinang pilihan kilang pertama *Bruker* di Asia

**BAYAN LEPAS -** Kerajaan Negeri gembira apabila *Bruker*, sebuah syarikat penyedia alat saintifik terkemuka dunia yang beribu pejabat di Amerika Syarikat (AS) telah membuka kilang pertamanya di Asia iaitu di Pulau Pinang.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata, kilang *Bruker* seluas 25,000 kaki persegi mula dibangunkan pada Oktober tahun lepas untuk menjalankan kerja-kerja mereka bentuk, memasang, menguji dan menghantar produknya kepada pelanggan di seluruh dunia.

Katanya, pelaburan semula dari syarikat AS tersebut membuktikan bahawa Pulau Pinang mempunyai kelebihan daripada segi daya saing dalam memenuhi keperluan pelabur seperti bakat, rantaian bekalan, infrastruktur dan sokongan kerajaan.

“Kita melihat syarikat-syarikat dari AS yang berada di negara ini selama dua hingga empat dekad terus berkembang dan mengembangkan operasi mereka di sini,” ucap beliau mewakili Ketua Menteri pada Majlis Pelancaran Kilang Bruker (Malaysia) Sdn. Bhd. dekat Zon Industri Bebas Bayan Lepas di sini 24 September lalu.

Turut hadir, Pengarah investPenang (iP) merangkap Penasihat Pelaburan Khas Kepada Ketua Menteri, Dato’ Seri Lee Kah Choon; Pengarah Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Jasbir Kaur; Ketua Pegawai Eksekutif iP, Dato’ Loo Lee Lian; Pengerusi, Presiden dan Ketua Eksekutif Bruker Corporation, Dr. Frank H. Laukien; Presiden Bruker Nano Group, Dr. Mark Munch serta Naib Presiden Kanan Bruker Nano Group, Dr. Mark McMaster.

Mengulas lanjut, Ahmad Zakiyuddin berkata, melalui pelbagai usaha yang dilaksanakan Kerajaan Negeri melalui iP, Pulau Pinang kini muncul sebagai destinasi pilihan utama pelaburan oleh banyak syarikat multinasional terkemuka dunia.

“Jika diteliti pada enam bulan pertama tahun ini, syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat menyumbang 73 peratus daripada keseluruhan pelaburan langsung asing (FDI) negeri yang mana sebahagian besar daripadanya adalah pelaburan semula dari syarikat-syarikat dan negara berkenaan yang ada di negeri ini,” ujarnya.

Tambah Ahmad Zakiyuddin, banyak syarikat multinasional yang pada mulanya hanya menjalankan operasi pembuatan di negeri telah mempelbagaikan aktiviti perniagaan mereka merangkumi penyelidikan dan pembangunan (R&D), reka bentuk serta pembangunan dan perkhidmatan perniagaan global.

“Melalui investPenang (iP), Kerajaan Negeri akan terus menumpukan perhatian untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi yang memberi penekanan kepada bidang-bidang ini serta aktiviti industri pembuatan pintar yang merangkumi *Internet of Things* (IoT) dan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0),” katanya.

Bruker (Malaysia) Sdn. Bhd. merupakan penyedia utama peralatan saintifik iaitu alat yang sangat penting untuk digunakan dalam kemajuan penyelidikan berkaitan tenaga hijau, sains hayat, semikonduktor dan nanoteknologi.

Difahamkan, antara produk berteknologi tinggi yang dihasilkan melalui kemudahan berkaitan termasuk profilometer optik dan stilus, tribometer, alat pengukur pemesongan sinar-X, instrumen pendarfluor sinar-X, spektrometer pelepasan optik, dan penganalisis gas pembakaran.

Kini, lebih daripada 6,000 pekerja bekerja untuk membuat pelbagai produk dan penyelesaian *Bruker* membabitkan lebih 90 lokasi di seluruh dunia.

**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (barisan depan, dua dari kanan) dan pihak-pihak berkaitan mengadakan lawatan khas sejurus Majlis Pelancaran Kilang Bruker (Malaysia) Sdn. Bhd. di sini baru-baru ini.**



## Optimis realisasi lahirkan 1,000 usahawan digital

**BATU UBAN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang mensasarkan sekurang-kurangnya 1,000 usahawan digital berupaya dilatih tahun ini.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato’ Abdul Halim Hussain berkata, pendedahan mengenai pemasaran digital dalam kalangan usahawan negeri ini mula menunjukkan momentum dan perkembangan positif apabila sehingga kini seramai 750 usahawan telah berjaya dilatih.



**ABDUL Halim Hussain (barisan pertama, tiga dari kanan) merakam gambar kenangan bersama-sama barisan jemputan, ahli jawatankuasa penganjur dan para peserta Program Netpreneur Siri 2/2019 di sini baru-baru ini.**

“Sekarang Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah berjaya melatih 750 usahawan, kita optimis sasaran 1,000 usahawan digital boleh direalisasikan memandangkan kita ada tempoh beberapa bulan lagi.

“Daripada jumlah (1,000 usahawan) ini, kita mahu 30 peratus daripadanya muncul sebagai usahawan berjaya dan mampu meningkatkan jualan melalui platform digital, sekurang-kurangnya dalam tempoh enam bulan pertama tahun hadapan,” ujarnya ketika hadir merasmikan Program Netpreneur Siri 2/2019 di sini 24 September lalu.

Hadir sama, Pengurus Bahagian Usahawan PDC, Ku Zaleha Ku Iskandar, Ashley Ong (Mahir Digital Bersama Google Trainer) dan Noor Azzam Yazizul Ghafar (Pengarah Negeri SMR Corporation Pulau Pinang).

Penganjuran tersebut adalah hasil usaha sama di antara PDC, Google Malaysia dan *SME Corp.*.

Menurut Abdul Halim, program berkenaan diadakan bertujuan untuk membimbing serta membantu usahawan Pulau Pinang bagi memperkukuhkan lagi kedudukan sebagai pengguna yang celik IT (teknologi maklumat) dan mempunyai kepakaran serta kebolehan selari dengan zaman teknologi digital kini.

“Program ini telah membuka peluang lebih besar kepada usahawan di negeri ini khususnya untuk menceburkan diri dalam e-dagang serta e-digital, mempelajari selok-belok daripada pihak Google Malaysia sendiri tentang aplikasi-aplikasi sedia ada seperti *Google My Business* dan lain-lain aplikasi yang dapat membantu mempromosi seterusnya melonjakkan jualan produk-produk usahawan.

“Dengan kebolehan ini juga, barisan usahawan akan mempunyai kemampuan untuk mempromosikan produk-produk keluaran tempatan khususnya dari Pulau Pinang ke luar negeri serta seluruh dunia.

“Bagi menyahut seruan melahirkan lebih ramai usahawan tempatan yang celik IT dan berdaya saing, Kerajaan Negeri, *SME Corp.* dan PDC serta agensi-agensi kerajaan yang lain akan sedia membantu pihak terbabit termasuk bakal usahawan terutamanya dalam membangunkan perniagaan masing-masing melalui program kerjasama *Netpreneur* ini,” jelasnya.

Difahamkan bahawa program pemasaran digital bersama-sama Google Malaysia tersebut adalah di bawah program yang dinamakan mahir digital bersama *Google*, yang mana ia telah berjaya melatih beribu-ribu usahawan menggunakan teknologi digital.

# Henti guna plastik sekali guna!

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BAYAN LEPAS** – Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik menyeru masyarakat di negeri ini supaya menghentikan penggunaan plastik sekali guna.

Jelasnya, jutaan plastik sekali guna dipungut di seluruh dunia setiap tahun melalui pelbagai program komuniti pembersihan pantai serta laut sekaligus membuktikan bahawa bahan berkenaan menjadi ancaman kepada hidupan marin.

"Plastik sekali guna kekal sebagai sampah terbanyak dijumpai berhampiran pesisir pantai dan juga di dalam laut.

"Selain mengancam hidupan laut, bahan ini juga dilihat mampu menggugat industri pelancongan negara, dan kita di Pulau Pinang amat bergantung kepada sektor pelancongan.

"Justeru, semua pihak perlu menunjukkan sokongan dan kerjasama dengan tidak menggunakan plastik sekali guna serta tidak mencemarkan pantai dan lautan yang merupakan khazanah alam tidak ternilai kepada generasi hari ini serta masa depan," ucapnya pada penganjuran Program Pembersihan Pantai Antarabangsa oleh Pusat Pengajian Pengurusan Universiti Sains Malaysia (USM) dekat pesisiran pantai Teluk Kumbar di sini 21 September lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; Dekan Pusat Pengajian Pengurusan USM, Prof. Dr. Noor Hazlina Ahmad; Pengasas Aimpactz Ventures, Dr. Choong Jian Ming; Pengurus Besar Hotel Lexis, Ben Ho Chan Peng; para pelajar USM serta sukarelawan-sukarelawan.

Dalam pada itu, Noor Hazlina memberitahu bahawa pihaknya berhasrat untuk menjadikan acara yang julung kali diadakan itu sebagai program tahunan.

"Hari Sabtu minggu ketiga pada bulan September memang merupakan hari pembersihan pantai peringkat antarabangsa dengan penglibatan pelbagai negara seluruh dunia.

"Data sampah dipungut juga akan dihantar untuk dikumpul bagi mengenal pasti bahan buangan yang mencemari lautan dan pantai," jelasnya.

Difahamkan, kira-kira 200 sukarelawan terlibat dalam program tersebut yang terdiri daripada komuniti, penuntut-penuntut USM serta pelajar-pelajar dari luar negara.



MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik (bertopi putih), barisan penganjur dan para peserta memerhatikan sampah-sarap yang berjaya dikumpul hasil penganjuran Program Pembersihan Pantai Antarabangsa di sini baru-baru ini.




## MAKLUMAN PEMBAYARAN SECARA PINDAHAN WANG/ EFT BAGI PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH

**Sukacita dimaklumkan bahawa pembayaran bagi semua penerima terlibat telah selesai dilaksanakan pada 3 Jun 2019 melalui kaedah pindahan wang elektronik/ Electronic Funds Transfer (EFT). Sila ambil maklum bahawa pembayaran ini hanya melibatkan para penerima di bawah daerah Seberang Perai Tengah yang telah memilih untuk menerima sumbangan melalui kaedah EFT (belum membuat tuntutan).**

**Untuk semakan status bayaran anda, sila layari laman web i-Sejahtera di www.isejahtera.penang.gov.my dengan memasukkan nombor kad pengenalan anda di ruangan yang disediakan.**

**Bagi penerima berstatus EFT tidak berjaya, sila kemaskini semula maklumat akaun anda dengan segera. Sekiranya tiada kemaskini dilakukan, pembayaran akan dilakukan melalui kaedah tunai pada fasa berikutnya (dalam tahun semasa). Daripada keseluruhan 1,780 orang penerima EFT, sebanyak 32 pembayaran direkodkan sebagai tidak berjaya.**

### SEMAKAN STATUS PEMBAYARAN BAGI PROGRAM i-SEJAHTERA

Pautan URL : https://isejahtera.penang.gov.my






# Naik taraf Dewan Badminton Seri Bagan Jermal siap

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **TAN ZHI EN**

**BAGAN JERMAL –** Kerja-kerja menaik taraf Dewan Badminton Seri Bagan Jermal kini telah siap sepenuhnya dan mula dibuka untuk sewaan kepada orang ramai.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Soon Lip Chee berkata, kerja-kerja menaik taraf dewan berkenaan menelan kos kira-kira RM12,000 yang dibiayai sepenuhnya oleh pihak swasta.

Tambah beliau, inisiatif berkaitan adalah melibatkan pembaikan ruang dalaman seperti mengecat semula, meninggikan lantai, pemasangan karpet yang lebih berkualiti, pemasangan lampu serta penggantian bumbung.

"Semasa kita ambil alih dewan ini pada tahun lepas, keadaan dewan ini adalah amat uzur yang mana banyak kelengkapan rosak serta bahagian bumbung juga bocor.

"Selepas dinaik taraf, dewan ini telah memenuhi *standard* antarabangsa dengan permukaan gelanggang yang lebih selesa dan berkualiti tinggi.

"Di bahagian luar pula, sistem saliran turut dinaik taraf bagi mengelakkan air memasuki kawasan dewan sekiranya hujan lebat," ujarnya yang juga Exco Belia dan Sukan pada sidang media di sini 26 September lalu.

Turut hadir, wakil penaja dan ahli-ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Simpah.

Mengulas lanjut, Lip Chee memberitahu bahawa dewan tersebut kini telah dibuka kepada orang awam atau mana-mana pihak yang berminat dengan bayaran sebanyak RM12 untuk satu jam.

"Kita juga membuka ruang kepada sesiapa yang mahu menjadikan dewan ini sebagai akademi badminton yang mana sekiranya ada jurulatih-jurulatih berhasrat untuk melatih atlet baru khususnya pelajar sekolah rendah boleh hubungi kami," serunya.

Dewan Badminton Seri Bagan Jermal terletak di Jalan Tingkat Melur 1, Taman Sin Tat, Butterworth.

Bagi yang berminat untuk menyewa dewan berkenaan boleh hubungi Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bagan Jermal di talian: 04 - 331 0163 atau pihak MPKK Kampung Simpah di talian : 018 - 666 9848.



**SOON Lip Chee (dua dari kiri) bersama-sama barisan wakil terlibat pada majlis penyerahan Dewan Badminton Seri Bagan Jermal yang telah siap dinaik taraf sepenuhnya di sini baru-baru ini.**






# PENANG SMART PARKING: #barulahsmart







Penangites know the struggle of finding a parking spot in the city. More often than not, we have to park our cars by the roadside temporarily, and we know troublesome this is.

As one of Penang's first Smart City initiatives, PSP mobile app will make it easier for you to find parking. With over 1,000 in-ground sensors currently installed in street parking lots across the Georgetown and Seberang Prai (with 35,000 more coming in the future), they are integrated with the PSP app, enabling you to:

1. Display and navigate to the nearest available parking lots.
2. Get accurate real-time information about available parking lots.
3. Pay for your parking.
4. Receive alerts when your parking duration is about to expire and extend the duration.
5. Remotely 'top up' your parking session to the maximum time limit.

And all this can be done with a just few taps within your smartphone!

Penduduk Pulau Pinang sudah sedia maklum bahawa betapa sukarnya mencari tempat letak kereta di kawasan bandar. Kadang-kala pengguna terpaksa meletak kereta di tepi jalan buat sementara waktu kerana kekangan masa untuk mencari tempat letak kereta yang kosong.

Aplikasi mudah alih Tempat Letak Kereta Pintar Pulau Pinang (PSP) merupakan satu inisiatif pertama bagi pembangunan Rancangan Penang 2030.

Aplikasi mudah alih PSP memudahkan pengguna mencari tempat letak kereta tanpa perlu mengelilingi kawasan bandar bagi mencari tempat kosong. Dengan lebih 1,000 sensor telah dipasang di tempat letak kereta di sekitar Georgetown & Seberang Perai (35,000 lagi akan dipasang menjelang pertengahan tahun depan), sensor ini disepadukan dengan aplikasi PSP, yang membolehkan pengguna:

1. Papar dan navigasi ke tempat letak kereta kosong yang terdekat.
2. Mendapat maklumat mengenai tempat letak kereta kosong masa sebenar.
3. Bayar tempat letak kereta.
4. Terima makluman apabila tempoh letak kereta akan tamat tempoh.
5. Top-up bayaran letak kereta ke had masa maksimum.

Kesemua ini boleh dilakukan dengan hanya beberapa ketikan dalam telefon pintar pengguna!


MUZE at PICC

Diskaun 5% untuk lot bumiputera

Era Baru Kehidupan Global Bermula Dengan Muze

Muze merupakan kawasan kediaman mengagumkan yang pertama di PICC (Penang International Commercial City), pusat perdagangan terbaru di Pulau Pinang. Nikmati hidup sepenuhnya dengan pembangunan bernilai multi billion ringgit yang menampilkan hub perniagaan, pusat beli-belah, hotel 5 bintang, pusat perubatan bertaraf dunia dan cadangan pembinaan stesen LRT. Pastinya ia menjadi tumpuan utama di dalam dan luar negara.

Muze menawarkan 3 hingga 5 bilik yang menggabungkan kemewahan yang fleksibel serta lebih praktikal. Ini ialah lokasi hangat yang dihubungkan strategik. Jadi sebahagian daripada kehidupan global di era baru Pulau Pinang.

Pegangan Bebas | 2 Menara Dengan 846 Unit | 7 Aras Fasiliti Gaya Hidup | Rancangan Trafik Untuk Pengangkutan Lebih Lancar

Cadangan Pembinaan Stesen LRT Dengan Jarak Berjalan Kaki | Berhampiran Jambatan Dan Lapangan Terbang Pulau Pinang


Pembangunan Keseluruhan
Ilustrasi Artis Sahaja


Fasad Muze
Ilustrasi Artis Sahaja

INTEGRASI PENUH KEHEBATAN : MENARA PICC | PEJABAT BPO | HOTEL 5 BINTANG | PUSAT MEMBELI-BELAH | BOULEVARD F&B | LAMAN HIJAU SENTRAL | PUSAT PERUBATAN | KEDIAMAN



Pemandangan Puncak
Ilustrasi Artis Sahaja

HUNZA
picc-penang.com
+604-6090 688

PICC (Penang International Commercial City) Sales Gallery
Lot 6029, Jalan Tun Dr Awang
Sungai Nibong Kecil, 11900 Bayan Lepas
Pulau Pinang, Malaysia
GPS COORDINATES: 5.332392, 100.290235
E picc@hunzagroup.com
T +604-6090 688

E hunza@hunzagroup.com
T +604-2290 888
F +604-2293 988

FIABCI Malaysia Property Award 2011 Residential (High Rise) Category - INFINITY Beachfront Condominium
FIABCI Malaysia Property Award 2013 Heritage Category - St. Jo's
World Silver Winner FIABCI World Prix d' Excellence Award 2014 Heritage (Restoration / Conservation) Category - St. Jo's
FIABCI Malaysia Property Award 2014 Property Man Dato' Seri Khor Teng Tong
FIABCI Malaysia Property Award 2015 Retail Category - Gurney Paragon Mall
Asia Pacific Property Awards Development 2018 - 2019 Best Development Marketing Malaysia - Alila²
Asia Pacific Property Awards Development 2018 - 2019 Best Residential Development Malaysia - Alila²

DEVELOPER: HUNZA (PENANG INTERNATIONAL COMMERCIAL CITY) SDN BHD A SUBSIDIARY OF HUNZA PROPERTIES BERHAD TEL: +604-6090688 EMAIL: picc@hunzagroup.com

No. Lesen Pemaju: 10294-304-2021/0373(L) • Tempoh Sah: 24/4/2019 – 23/4/2021 • No. Permit Iklan dan Jualan: 10294-304-2021/0373(P) • Tempoh Sah: 24/4/2019 – 23/4/2021 • Pemaju: Hunza (Penang International Commercial City) Sdn.Bhd. (283941-T) 163E-19-01 & 20-01, Hunza Tower, Kelawei Road, 10250 Penang. Tel 604 2290 888 Fax 604 2293 988 • Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal • Bebanan Tanah: OCBC Bank Berhad • Jenis Rumah: Pangsapuri • Nama Pemajuan Perumahan : MUZE AT PICC • Tarikh Dijangka Siap: Mei 2023 • Jumlah Unit Menara A : 394 units • Harga Min: RM1,129,000 Harga Mak: RM5,133,000 • Jumlah Unit Menara B: 452 units • Harga Min: RM1,129,000 Harga Mak: RM6,238,000 • Saiz: Jenis A 1,862 kaki persegi Jenis B 1,550 kaki persegi Jenis B1 1,550 kaki persegi Jenis C 1,313 kaki persegi Jenis D 1,528 kaki persegi Jenis E 1,098 kaki persegi Jenis F 1,281 kaki persegi Jenis G 1,087 kaki persegi Jenis G1 1,087 kaki persegi Jenis H 1,324 kaki persegi • Jumlah Parkir Kereta: 1803 • Kuasa yang meluluskan: Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No.Pelan Bangunan: MBPP/OSC/PB10760/19(LB)

Penafian: Segala maklumat, imej, ilustrasi dan lain-lain yang terdapat di sini ("maklumat") hanyalah untuk memberi pengenalan umum ke atas pembangunan yang dicadangkan dan tidak boleh sama sekali dianggap sebagai sebahagian daripada perjanjian jual dan beli atau sebahagian daripadanya atau mewakili / waranti mana-mana produk yang telah siap, yang tersirat atau sebaliknya. Semua maklumat boleh diubah tanpa pemberitahuan notis terlebih dahulu. Semua imej dan ilustrasi hanyalah merupakan imaginasi artis sahaja.

# 1 November, MBPP berhak 'tutup' premis makanan kotor tidak ikut piawaian

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**PADANG KOTA –** Berkuat kuasa 1 November 2019, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) berhak 'menutup' mana-mana premis makanan yang didapati kotor serta tidak mencapai tahap minimum piawaian yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

Ahli Majlis MBPP, Wong Yuee Harng berkata, sebelum ini penutupan premis kotor hanya tertakluk di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sahaja.

"Tetapi, bermula 1 November ini, kita (MBPP) mempunyai kuasa untuk mengeluarkan arahan penutupan premis di antara tiga hingga 14 hari sekiranya kedai makan tersebut didapati kotor.

"MBPP akan mengguna pakai piawaian sama dengan KKM dalam menilai aspek kebersihan sesebuah premis ketika melakukan penguatkuasaan.

"Selain itu, pihak Majlis turut mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang mengikut Seksyen 10 dan 11 Akta Makanan 1983 sekiranya pemilik didapati gagal mematuhi arahan tutup yang telah dikeluarkan," jelasnya pada sidang media selepas Mesyuarat Biasa Majlis di sini 26 September lalu.

Hadir sama, Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang.

Dalam pada itu, menurut Tung Seang, sebelum ini, MBPP hanya mempunyai bidang kuasa untuk mengeluarkan kompaun kepada pemilik premis sahaja.

"Langkah ini dijalankan bagi menjamin kebersihan di premis-premis makanan, tambahan pula… Pulau Pinang sememangnya terkenal sebagai syurga makanan.

"Oleh itu kita tidak mahu isu kebersihan ini mencemarkan nama baik Pulau Pinang khususnya," ulas beliau.



WONG Yuee Harng.




# MBSP buka semula permohonan nombor patil TS bagi pemilik rumah kediaman kampung

**SEBERANG JAYA –** Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mengeluarkan semula nombor patil jenis Taksiran Sahaja (TS) khusus bagi rumah kediaman kampung yang tiada kelulusan pelan bangunan atau Sijil Layak Menduduki (OC) serta Borang F Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, permohonan pengeluaran nombor patil TS perlu dikemukakan oleh pemilik kediaman yang berstatus warganegara kepada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MBSP sehingga 31 Disember 2020.

"MBSP keluarkan tiga jenis nombor patil bagi rumah-rumah kediaman kampung iaitu PMT *(Permanent)*, TBP *(Temporary Building Permit)* dan TS tetapi nombor patil TBP dan TS telah dihentikan pengeluarannya.

"Walau bagaimanapun, atas keprihatinan maka nombor TS dikeluarkan semula khusus untuk rumah kediaman kampung sebagai hadiah kepada penduduk yang sentiasa menyokong program-program MBSP sehingga mencapai status bandar raya.

"Ia juga selaras dengan Visi Penang2030 untuk mempertingkatkan kemampuan rakyat memiliki rumah sekaligus meningkatkan kualiti hidup penduduk di Seberang Perai," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh dekat Menara Bandaraya MBSP di sini 27 September lalu.

Turut serta, Ahli Majlis bagi MBSP, David Marshel dan Shuhada Abdul Rahim; Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod; ketua-ketua jabatan serta barisan pegawai MBSP.

Mengulas lanjut, Rozali menjelaskan bahawa kelulusan nombor patil TS disyaratkan kepada rumah kediaman kampung berkeluasan kurang daripada 2,000 kaki persegi dan terletak dalam kawasan perkampungan sahaja.

"Sejujurnya, hasrat MBSP adalah untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan penomboran rumah-rumah kediaman kampung untuk mendapatkan alamat tetap bagi tujuan surat-menyurat.

"Justeru, penduduk di Seberang Perai harus merebut peluang ini kerana permohonan yang dikemukakan tidak akan dikenakan sebarang bayaran, dan sekiranya permohonan berjaya barulah kita (MBSP) akan kenakan caj sebanyak RM50 untuk pemilik kediaman terlibat," ujarnya.

Difahamkan, borang permohonan Nombor Patil TS boleh didapati secara percuma dengan cara memuat turun daripada laman web rasmi MBSP di *www.mpsp.gov.my* atau dapatkan daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MBSP Bandar Perda.

# Promosi kompaun letak kereta pada kadar RM5

**SEBERANG JAYA –** Pesalah yang menerima kompaun bagi kesalahan letak kereta daripada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) kini boleh menyelesaikan kompuan mereka pada kadar RM5 sahaja bagi setiap kesalahan.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, kadar tersebut hanya sah bagi tempoh promosi pengurangan kompaun letak kereta yang dijalankan mulai 16 September sehingga 31 Disember 2019.

"MBSP menjalankan promosi pengurangan kompaun letak kereta ini sebagai satu cara untuk menggalakkan orang ramai membuat pembayaran kompaun.

"Justeru, pesalah yang menerima kompaun boleh jelaskan kompuan pada kadar RM5 dalam tempoh masa ditetapkan kecuali kompuan yang telah didaftarkan untuk tindakan mahkamah dan atas kesalahan meletak kenderaan di petak orang kurang upaya (OKU)," ujarnya pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh dekat Menara Bandaraya MBSP di sini 27 September lalu.

Menurut Rozali, pihaknya tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas termasuk pendakwaan di mahkamah dan menunda kenderaan bagi mereka yang mempunyai tunggakan kompaun melebihi 10 kompaun.

"Oleh itu, MBSP berharap dengan peluang yang diberikan ini dapat dimanfaatkan oleh warga bandar raya Seberang Perai yang mempunyai kompaun letak kereta tertunggak untuk menjelaskan kompaun mereka dalam kadar segera," serunya.

Difahamkan, sebanyak 37,457 keping kompaun telah dijelaskan sejak tempoh promosi berlangsung sehingga 25 September lalu dengan kutipan hasil sebanyak RM206,440.

# Kutipan cukai taksiran MBSP bagi tempoh promosi penggal kedua cecah RM56.99 juta

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**SEBERANG JAYA –** Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa pihaknya berjaya mengutip cukai taksiran berjumlah RM56.99 juta bagi tempoh promosi cukai taksiran penggal kedua tahun ini.

Menurutnya, jumlah tersebut adalah melebihi sasaran yang ditetapkan MBSP iaitu sebanyak RM40 juta.

"MBSP mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga Seberang Perai yang menunaikan tanggungjawab membayar cukai taksiran.

"Program ini diadakan mulai 1 Julai sehingga 31 Ogos 2019 bersempena pengisytiharan Seberang Perai sebagai bandar raya," katanya semasa mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh dekat Menara Bandaraya MBSP di sini 27 September lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Air Tawar, Mustafa Kamal Ahmad; Ahli-Ahli Majlis bagi MBSP, Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmod; ketua-ketua jabatan serta barisan pegawai MBSP.

Dalam pada itu, sejurus mesyuarat, Rozali mengumumkan 20 nama pemenang bagi menghadiri Majlis Cabutan Bertuah Pemenang Promosi Cukai Taksiran Penggal Kedua 2019. Senarai pemenang juga boleh disemak melalui laman web MBSP iaitu *www.mpsp.gov.my* mulai 1 Oktober lalu.

Difahamkan, MBSP menyediakan sebanyak 15 hadiah bagi kategori bayaran secara talian, bank, dan agensi yang mana tempat pertama hingga kelima akan menerima wang tunai berjumlah RM1,000 dan selebihnya adalah telefon pintar, barangan elektrik serta perkakasan rumah.

Selain itu, sebanyak lima hadiah berbentuk wang tunai berjumlah RM200 setiap satu disediakan bagi kategori bayaran di kaunter.

# Pengecualian bayaran caruman perparitan, pengusaha khinzir diseru ambil peluang

**SEBERANG PERAI –** Pengusaha khinzir yang mahu menukar sistem ladang terbuka kepada konsep ladang tertutup bakal dikecualikan bayaran caruman perparitan di bawah Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sebanyak RM5,000 per ekar.

Perkara tersebut dimaklumkan Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penuh dekat Menara Bandaraya MBSP di sini 27 September lalu.

Menurut beliau, pengecualian pembayaran caruman perparitan tersebut akan diberikan kepada pengusaha-pengusaha sedia ada yang menukar sistem ladang terbuka kepada ladang tertutup dalam tempoh sehingga 31 Disember 2019 sahaja.

"Justeru, diharapkan pengusaha-pengusaha terlibat dapat mengambil peluang ini," serunya.

Mengulas lanjut, Rozali memaklumkan bahawa MBSP juga meluluskan cadangan pengecualian Permohonan Kebenaran Merancang kepada pengusaha khinzir sedia ada untuk menaik taraf fasiliti kepada konsep ladang tertutup.

"Enakmen Penternakan Babi 2016 yang dikuatkuasakan pada 1 Januari 2018 juga diberikan pengecualian Kebenaran Merancang sehingga 31 Disember lalu.

"Setelah tamat tempoh, mana-mana penternak yang ingin menaik taraf ladang mereka kepada sistem tertutup perlu mengemukakan Pelan Kebenaran Merancang dengan kos melebihi RM50,000 bergantung kepada keluasan," jelasnya.

Tambah beliau, MBSP juga bersetuju agar kesemua 172 pengusaha khinzir sedia ada di Seberang Perai sama ada berlesen atau tidak adalah tertakluk kepada Pengecualian Kebenaran Merancang dan hanya perlu mengemukakan Pelan Bangunan.

"Lebih 60 daripada 172 pengusaha khinzir sedia ada dari ketiga-tiga daerah Seberang Perai iaitu Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan membuat permohonan pelan bangunan dan telah mendapatkan kelulusan," ujarnya.

# Kompleks pentadbiran MBSP kini ‘Menara Bandaraya’

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA -** Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas diiringi isteri, Toh Puan Majimor Shariff sendiri menyempurnakan acara penamaan Menara Bandaraya bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di sini pada 25 September lalu.



**PERCIKAN bunga api yang mewarnai ruang angkasa bersempena majlis berkaitan.**

Ketika berucap, Datuk Bandar MBSP, Dato’ Sr. Rozali Mohamud berkata bahawa pentadbirannya telah menyediakan Hala Tuju Strategik Seberang Perai yang mampan dan lestari untuk jangka pendek, sederhana serta panjang.

Justeru, menurut beliau, perubahan yang sedang diusahakan untuk rakyat teramai di Seberang Perai bukan sekadar penamaan kompleks pentadbiran ataupun sempena pemasyhuran pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan sebagai ‘bandar raya’.

“Kita (MBSP) ada kontrak sosial...kontrak sosial ini menandakan bermulanya era *‘Contemporary Society’* yang berpegang kepada falsafah Seberang Perai Bandar Raya Rendah Karbon dan Bandar Pintar Berpaksikan Rakyat,” jelasnya.

Rozali kemudiannya menyerahkan dokumen bertulis Hala Tuju Strategik Seberang Perai kepada Abdul Rahman, sejurus TYT menyempurnakan acara menandatangani plak pemasyhuran Menara Bandaraya atau *City Tower*.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; barisan Exco Kerajaan Negeri; Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Seri Farizan Darus antara tetamu kenamaan paling utama yang menyertai acara bersejarah tersebut.

Berdasarkan Hala Tuju Strategik Seberang Perai, Rozali memberitahu bahawa MBSP menyasarkan untuk mengurangkan 50 peratus pelepasan karbon menjelang tahun 2022 iaitu pengurangan penghasilan karbon daripada 8.0 tan $CO_2e$ per kapita kepada 4.0 tan $C0_2e$ per kapita.

“Selain itu, sasaran menjadi *‘carbon natural city’* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020, dan menjadi *‘zero carbon city’* pada 2050.

“MBSP juga komited untuk bersama-sama bandar raya lain di dunia menangani agenda perubahan cuaca supaya dapat menghadkan pemanasan global kepada 1.5 darjah celcius,” tegasnya.

Difahamkan, penamaan Menara Bandaraya MBSP dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat pada 12 September 2019.

Menara berkenaan yang sebelum ini dikenali sebagai Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di Jalan Perda Utama berdiri gagah di atas tanah berkeluasan 10 ekar.



**DR. Abdul Rahman Abbas (tengah) sambil diiringi Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (dua dari kiri) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menandatangani plak Menara Bandaraya MBSP pada majlis penamaan rasminya di sini baru-baru ini.**

Tanah bangunan pentadbiran PBT itu dibeli daripada Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dengan harga RM13,503,600 pada 5 November 2001.

Projek pembinaan Menara Bandaraya bermula pada 15 November 2002 dan siap pada 31 Disember 2005, dengan kos RM53 juta.

Mula beroperasi pada 2006, Menara Bandaraya terdiri daripada 16 tingkat, ketinggian 90.527 meter (m) dan keluasan keseluruhan 290,000 kaki persegi (kp).

Sebelum terbinanya Menara Bandaraya, operasi perkhidmatan PBT berkenaan adalah di Jalan Dato’ Ahmad Said dan juga di Wisma UMNO Butterworth.

## Hari Warisan MBSP beri ruang generasi muda hayati sejarah warisan Seberang Perai

**SEBERANG JAYA –** Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) buat julung kalinya menganjurkan Hari Warisan bersempena penaiktarafan Seberang Perai sebagai bandar raya berkuat kuasa 16 September lalu.

Setiausaha Bandarayanya, Ir. Rosnani Mahmod berharap agar penganjuran program berkenaan dapat dimanfaatkan orang ramai khususnya generasi muda untuk mempelajari serta menghayati sejarah dan warisan di Seberang Perai.

“Sebagai langkah ke hadapan, MBSP akan membuat *‘Baseline Study’* bagi mendapatkan data-data seniman dalam pelbagai bidang seni yang ada di Seberang Perai.

“Hal ini kerana pemuliharaan warisan sama ada berbentuk artifak, binaan, nama tempat dan cerita lisan sangat perlu bagi mengelakkan kepupusan ekoran faktor pembangunan dan digital zaman kini.

“Selain itu, pemuliharaan panaroma alam, habitat flora dan fauna, pengekalan kampung tradisional Melayu, kepentingan sejarah, tapak warisan serta monumen juga harus menjadi agenda untuk warisan generasi akan datang,” ucapnya pada Majlis Perasmian dan Penyampaian Hadiah Sempena Hari Warisan dekat Menara Bandaraya MBSP di sini 21 September lalu.

Hadir sama, Ahli-Ahli Majlis bagi MBSP; Presiden Pertubuhan Sejarah dan Warisan Seberang Perai, Dahalan Fazil; wakil dari Pejabat Agama Seberang Perai Utara, Ustaz Yusof Desa serta ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan MBSP.



**SALAH sebuah persembahan tarian tradisional yang dipersembahkan.**

Program tersebut turut dimeriahkan dengan pelbagai pengisian seperti sembang-sembang warisan yang menampilkan Dahalan dan Ustaz Yusof sebagai panel.

Turut mencuri tumpuan adalah Pertandingan Tarian Tradisional yang disertai tujuh sekolah rendah dan menengah seluruh Pulau Pinang dengan mempersembahkan dua jenis tarian iaitu Tarian Zapin dan Tarian Etnik negara ini.



**JELAS terpancar kegembiraan apabila pasukan kedua daripada SK Minden Heights dinobatkan sebagai juara Pertandingan Tarian Tradisional bersempena penganjuran Hari Warisan MBSP di sini baru-baru ini.**

Pertandingan tersebut menyaksikan Sekolah Kebangsaan (SK) Minden Heights dinobatkan sebagai juara dengan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM3,000, manakala Sekolah Menengah Sains Kepala Batas (tempat kedua, RM2,000) dan tempat ketiga adalah milik Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Gemilang Butterworth (RM1,000).

Selain itu, MBSP juga mengadakan pameran berkenaan warisan dekat Lobi Menara Bandaraya serta tayangan dokumen berdurasi satu jam yang memaparkan sejarah kawasan dan bangunan-bangunan warisan di Seberang Perai.

# Sumbangan komputer diharap bantu mudahkan urusan perlu

**AIR ITAM –** Ahli Parlimen (MP) Bukit Bendera, Wong Hon Wai menyampaikan sumbangan berupa dua set peralatan komputer bernilai RM6,400 kepada Balai Polis Kampung Baru di sini.

Menurutnya, sumbangan tersebut adalah bertujuan membantu melicinkan kerja-kerja pentadbiran yang dilaksanakan pegawai-pegawai terlibat.

"Seperti semua sedia maklum, balai polis berperanan penting dalam menjaga keamanan serta keselamatan penduduk di sini.

"Oleh itu, selain sumbangan komputer, kita juga telah meluluskan projek penurapan jalan di perkarangan balai (Balai Polis Kampung Baru) dengan kos sebanyak RM32,000 bagi memudahkan lagi urusan para pegawai untuk menjalankan pelbagai aktiviti seperti kawad kaki dan sebagainya," katanya sejurus menyerahkan sumbangan tersebut dekat Balai Polis Kampung Baru pada 18 September lalu.

Hadir sama, Ketua Balai Polis Kampung Baru, Sub Inspektor Rahmat Din dan Pembantu Khas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih, Hong Kian Beng.

Difahamkan, sebanyak 14 projek penyelenggaraan dengan kos berjumlah RM233,000 bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Putih telah diluluskan yang merangkumi kerja-kerja depoh sampah, pembinaan longkang dan penurapan jalan.




WONG Hon Wai (dua dari kanan) sambil ditemani Hong Kian Beng (kanan sekali) menyampaikan sumbangan berkaitan kepada Ketua Balai Polis Kampung Baru di sini baru-baru ini.

## Kelas biola percuma mampu lahirkan bakat profesional

**BAGAN DALAM –** Seramai 25 murid sekolah rendah sekitar kawasan Bagan Dalam yang menyertai kelas biola secara percuma sejak Jun lalu menerima sijil tamat pengajian dan sebuah biola daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Dalam, M. Satees.

Ketika ditemui, Satees memaklumkan bahawa beliau memperuntukkan sejumlah RM10,000 untuk tujuan pembelajaran serta pembelian alatan.

"Kelas ini diadakan bertujuan untuk menyuntik semangat sekaligus mengasah bakat bermain biola dalam kalangan murid-murid sekolah.

"Bermain biola bukan sahaja mampu mengembangkan lagi kemahiran malah juga dapat merangsang otak untuk menjadi lebih cerdas.

"(Dan) sekiranya diajar dengan betul bakat bermain biola ini, saya percaya Pulau Pinang juga mampu melahirkan bakat profesional," katanya pada Majlis Graduasi Kelas Biola di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) David Marshel serta barisan tenaga pengajar.

Mengulas lanjut, Satees juga merancang untuk meneruskan kelas biola percuma berkaitan pada tahun hadapan dan tarikh pendaftaran akan dimaklumkan kelak.

Difahamkan, selain kelas biola, Satees turut menaja beberapa kelas lain seperti kelas melukis, robotik dan melukis kartun dengan kerjasama pelbagai pihak untuk golongan kanak-kanak di sini.



M. Satees (barisan belakang, lima dari kiri) bersama-sama tenaga pengajar dan para peserta pada Majlis Graduasi Kelas Biola di sini baru-baru ini.

## Mangsa kemalangan kecederaan otak terima sumbangan ADUN

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**AIR ITAM –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang menyampaikan sumbangan lampin pakai buang kepada Yusmalena Mohd. Yusof, 34, yang mengalami masalah kerosakan otak akibat kemalangan sembilan tahun lalu.

Soon Siang berkata, sumbangan tersebut adalah hasil usaha pasukan sukarelawan Pejabat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam dan akan dibekalkan kepada Yusmalena selama setahun mulai Oktober 2019.

"Pada program lawatan baru-baru ini, kami mendapati bahawa isteri kepada Izam Shahril Musa, 37, menderita masalah kecederaan otak sejak sembilan tahun lalu akibat kemalangan di Ayer Itam, Kedah.

"Kita akan cuba bantu setakat mana yang termampu sebagaimana kita serahkan bantuan lampin pakai buang selain sumbangan 10 tin susu kepada keluarga ini," ujar beliau ketika menyantuni keluarga berkenaan di kediamannya dekat sini 14 September lalu.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Rohaizat Hamid dan Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat.



JOSEPH Ng Soon Siang (berbaju putih) menyampaikan bantuan kepada Izam Shahril Musa (kanan sekali) ketika mengadakan lawatan khas ke kediaman mangsa kemalangan di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Izam Shahril ketika ditemui mengucapkan terima kasih kepada Soon Siang dan pasukan sukarelawan terlibat atas pemberian sumbangan tersebut.

"Cuma susu itulah mahal sedikit, saya pula tidak bekerja kerana ambil tanggungjawab menjaga isteri saya yang sudah terlantar selama sembilan tahun," jelasnya yang pernah bekerja sebagai posmen sebelum ini.

Difahamkan, Yusmalena memerlukan satu tin susu dalam masa dua hari berikutan keadaannya yang tidak mampu menjamah sebarang makanan sehingga kini. Susu yang diambilnya pula terpaksa dimasukkan menggunakan tiub khas yang ditebuk melalui perut.

Bagi yang mahu menyalurkan sumbangan khususnya katil khas atau lain-lain, boleh hubungi Izam Shahril di 013 - 538 3716.

# Inisiatif tanam pokok harap pupuk semangat cinta alam sekitar pelajar

Teks & Gambar : **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN**

**BAGAN JERMAL –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Soon Lip Chee berharap agar aktiviti penanaman pokok di sekolah berjaya memupuk semangat kecintaan terhadap alam sekitar dalam kalangan pelajar.

Katanya, intipati daripada aktiviti itu sendiri adalah untuk melahirkan pelajar-pelajar yang menghargai, menghormati serta memelihara ekosistem sekaligus mewujudkan persekitaran hijau, bersih dan sihat.

"Aktiviti ini juga adalah selaras dengan hasrat Pulau Pinang untuk menjadi negeri yang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

"Bersempena penganjuran ini, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menyumbangkan sebanyak 1,100 batang pokok bunga untuk menghijaukan persekitaran padang rekreasi Taman Dahlia.

"(Dan), kerjasama semua pihak adalah amat penting untuk menghias persekitaran trek joging dan Padang Rekreasi Taman Dahlia dengan pokok-pokok bunga bagi mewujudkan suasana persekitaran yang segar serta mesra," ucapnya pada Program Menghijaukan Padang Rekreasi sempena sambutan Hari Malaysia 2019 di sini baru-baru ini.



SEBAHAGIAN pelajar yang mengambil bahagian.

Hadir sama, Ahli Majlis MBSP, Khong Chee Seong dan K. Kumaran; Pengerusi Persatuan Rekreasi Muda dan Jasmani Bintang Harapan Pulau Pinang, Ong Teng Hooi; Penolong Bendahari Persatuan Rekreasi Muda dan Jasmani Bintang Harapan Pulau Pinang, Anson Cheah dan Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Simpah, Tee Chun Chai.

Mengulas lanjut, Lip Chee menyatakan bahawa usaha-usaha untuk menghijaukan kawasan persekitaran boleh dijadikan satu medium pendidikan di luar bilik darjah.

"Bunga dan pokok yang ditanam ini boleh dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran untuk para pelajar di sekolah," ujarnya.

Dalam pada itu, Chee Seong memberitahu bahawa sempena Hari Malaysia tahun ini, aktiviti yang dianjurkan bukan sahaja bertujuan menghijaukan alam sekitar, malah juga bagi memupuk semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

"Tanggungjawab memelihara alam sekitar dengan mengamalkan konsep 4R iaitu fikir *(rethink)*, kurangkan *(reduce)*, guna semula *(reuse)* dan kitar semula *(recycle)* bagi menguruskan proses pelupusan sisa buangan bukan sahaja membantu memelihara kebersihan dan kecantikan alam sekitar, tetapi juga sangat menyeronokan serta mampu memberikan kepuasan," jelasnya.

Difahamkan, seramai 40 pelajar dari Sekolah Kebangsaan (SK) Bagan Jermal, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Mak Mandin dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Mak Mandin menyertai program tersebut.

Antara 10 spesies pokok bunga yang ditanam adalah Bunga Raya, Bunga Ruellia, Setawar Halia, Bunga Akar Kuning, Kelat Paya, Jejarum Merah, Jejarum Kuning, *Ruby Leaf*, *Mexican Heather* dan *Variegated Croton*.



SOON Lip Chee (duduk, lima dari kanan) bersama-sama para pelajar yang mengambil bahagian menanam pokok-pokok bunga bersempena program Menghijaukan Padang Rekreasi sempena sambutan Hari Malaysia 2019 di sini baru-baru ini.

## Taja penuh dua projek naik taraf demi selesa rakyat Bukit Gelugor

Gambar : **MP**

**AIR ITAM –** Ahli Parlimen (MP) Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh memperuntukkan sejumlah RM32,000 bagi menaik taraf kemudahan di Balai Polis Bandar Baru, Lebuhraya Thean Teik di sini.

Ramkarpal berkata, peruntukan tersebut adalah bagi membaik pulih kemudahan tandas, penebangan dan pemangkasan pokok, menurap simen, memasang *awning* serta membaik pulih sistem pendawaian elektrik di balai berkenaan.

"Kerja-kerja naik taraf telah dimulakan pada 31 Julai lalu dan siap dalam tempoh enam minggu kemudian," ujarnya ketika hadir ke balai berkenaan di sini 21 September lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang.

Di lokasi berasingan sebelum itu, Ramkarpal turut meluangkan masa meninjau kerja naik taraf tangga berhampiran Surau Bukit Gelugor dekat Jalan Khemah.

Mengurut Ramkarpal, pihaknya sebelum ini menerima rungutan daripada penduduk sekitar berhubung keadaan kawasan tangga berkenaan yang curam dan rosak, selain daripada menjadi kawasan lepak pelajar yang ponteng sekolah.

"Kawasan tangga ini dulunya penuh dengan pokok, rosak dan agak tersembunyi hingga menjadi kawasan lepak budak sekolah, tetapi kini ia telah dinaik taraf dan lebih terbuka, inisiatif ini sekaligus dapat menghindarkan ia daripada menjadi lokasi bagi aktiviti tidak sihat.



RAMKARPAL Singh (kiri) mencuba tangga yang siap dinaik taraf berhampiran Surau Bukit Gelugor di sini baru-baru ini.

"Penduduk juga tidak perlu lagi menggunakan jalan jauh untuk ke surau," jelasnya yang memperuntukkan sejumlah RM28,470 bagi pelaksanaan berkaitan.

Kedua-dua kos projek naik taraf berkenaan yang mencecah lebih RM60,000 ditanggung sepenuhnya di bawah peruntukan Parlimen Bukit Gelugor.

## Lantai baru Surau An-Nur, penantian penduduk tercapai

**SERI DELIMA –** Lantai Surau An Nur SEAMEO RECSAM kini tampil lebih kontemporari dengan penukaran karpet kepada lantai jenis venyl bernilai RM10,628.

Kos penukaran tersebut diperuntukan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid.

"Penantian yang ditunggu sejak sekian lama oleh warga SEAMEO RECSAM dan penduduk sekitar kawasan, akhirnya kini menjadi kenyataan.

"Dengan kos RM10,628, kita akhirnya mampu menukar karpet yang berusia hampir 20 tahun kepada yang lebih indah serta berunsur kontemporari," ujarnya pada sesi lawatan khas ke surau berkaitan di sini 16 September lalu.

Hadir sama, Penghulu bagi kawasan Bukit Gelugor, Nasrizal Nasib, badan pengurusan SEAMEO RECSAM serta komuniti setempat.

Syerleena ketika berucap juga berharap dengan penukaran lantai baharu itu, penggunaan surau dapat dimaksimumkan serta dijaga dengan baik.

"Kebersihan surau ini juga hendaklah dijaga dan pastikan surau ini menjadi tempat yang menarik lagi menawan supaya ia dapat menggambarkan kehebatan serta kemuliaan agama Islam itu sendiri," serunya.



SYERLEENA Abdul Rashid (bertudung hitam) bergambar kenangan dengan pihak-pihak berkaitan bersempena lawatan khas ke Surau An-Nur SEAMEO RECSAM di sini baru-baru ini.

# Gelongsor air terpanjang dunia di Pulau Pinang, JOM!



SALAH satu pengalaman menarik kepada mereka yang berani mencabar diri.

**GELONGSOR** air terpanjang di dunia yang dibuka kepada pengunjung pada hujung Oktober 2019 bakal melonjakkan lagi nama Pulau Pinang dan Taman Tema Escape (Escape) khasnya di dalam peta pelancongan dunia.

Gelongsor air sepanjang 1,111 meter (m) tersebut berjaya mendapat pengiktirafan *Guinness World Records* pada 25 September lalu sekaligus mengatasi gelongsor air di Jerman (356m) dan Jepun (266m).

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurufoto, **DARWINA MOHD. DAUD** berserta tetamu jemputan lain turut diberi peluang merasai pengalaman meluncur gelongsor berkaitan.

Ketua Pegawai Eksekutif yang juga pengasas Taman Tema Escape, Sim Choo Kheng dalam ucapannya menyatakan bahawa kejayaan tersebut menjadi batu loncatan kepada Escape untuk terus dikenali di peringkat antarabangsa.

"Memecahkan rekod dunia bukanlah matlamat asal saya, sebaliknya saya cuma mahukan pengalaman gelongsor yang lama serta mampu memberi kepuasan, keriangan dan kegembiraan kepada semua pengunjung.

"Justeru, semasa melakukan reka bentuk konsep, saya melihat ke atas bukit hingga ke bawah dan mendapati jauhnya melebihi satu kilometer (km), dan secara tidak sengaja rekod dunia telah tercipta," ujarnya pada Majlis Penyampaian Sijil Guinness World Records di taman tema tersebut baru-baru ini.

Sijil tersebut disampaikan oleh juri badan pengiktiraf dari *Guinness World Records*, Pete Fairbairn.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Penang Global Tourism (PGT), Ooi Chok Yan dan Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Pulau Pinang, Jonathan Freddy P. Bagang.

Dalam pada itu, Choo Kheng turut merakamkan penghargaan kepada barisan kakitangan yang bertungkus-lumus selama 24 bulan bagi menyiapkan gelongsor air terpanjang di dunia itu.

"Kejayaan ini bukanlah milik saya seorang, tetapi hasil dedikasi kakitangan dari *Sim Leisure* sendiri.

"Kerja-kerja menyiapkan gelongsor ini bukanlah satu perkara yang mudah kerana dilakukan di dalam kawasan hutan hujan tropika.

"Dalam mengelak impak kerosakan kepada alam sekitar, jentera berat tidak digunakan ketika kerja-kerja pemasangan kepingan-kepingan gelongsor tersebut," jelasnya.

Mengulas lanjut, Choo Kheng menyatakan bahawa konsep gelongsor yang dibangunkan bukan sahaja mengutamakan keseronokan kepada pengunjung, malah ia juga turut menekankan aspek keselamatan.

"Kelajuan gelongsor ini dianggarkan kira-kira 4m/saat bersamaan 15km/jam bersamaan kelajuan mengayuh basikal dalam keadaan santai.

"Ia direka sangat unik untuk memberikan pengalaman melalui hutan semula jadi di sini sambil melalui 20 selekoh dalam masa 4 minit 30 saat.

"Kebanyakan taman tema dicipta oleh jurutera yang pakar, tetapi di Escape ia diilhamkan oleh 'kanak-kanak dewasa' seperti saya," katanya dalam nada seloroh.

Tambah Choo Kheng, beliau juga berpegang kepada prinsip bahawa pembinaan taman tema juga harus dapat memupuk rasa cinta terhadap alam semula jadi kepada pengunjung.

"Sama seperti kita sayangkan kereta, kita akan menjaganya sebaik mungkin, apabila sayangkan alam semula jadi, kita juga akan lindunginya.

"Konsep itu membawa pengunjung lebih dekat kepada alam semula jadi apabila berkunjung ke sini," ujarnya.




SIM Choo Kheng (kiri) menerima pengiktirafan *Guinness World Records* yang disampaikan Pete Fairbairn pada majlis penganugerahannya di sini baru-baru ini.

Difahamkan, projek gelongsor yang menelan belanja kira-kira RM5 juta berkaitan dibina menggunakan kira-kira 488 kepingan papan gelongsor, kepingan penampan (326) dan bolt, nat serta sesendal (10,248).

Selain itu, gelongsor berkenaan turut diperkukuhkan dengan sokongan 1.2(km) paip besi dan 1.2km besi segi empat tepat.

Penulis dan jurufoto ketika mencuba permainan baharu tersebut perlu mendaki kira-kira 70m atau bersamaan ketinggian bangunan 23 tingkat dan setiap pengunjung dikehendaki menggunakan pelampung yang disediakan oleh pihak Escape sahaja.

Escape juga bakal menyediakan *ski lift* berkonsepkan kereta kabel bagi memudahkan pendakian selepas fasa tiga projek berkenaan siap sepenuhnya melibatkan pembinaan *'tubby racer'* lebih panjang berbanding yang sedia ada kini.

Bagi yang ingin berkunjung ke Escape, anda boleh mencabar keberanian anda melalui taman tema bercorak cabaran serta taman tema air yang mengujakan pada satu harga.

Ia juga pasti dapat menepati cita rasa pengunjung yang inginkan pengalaman percutian menarik, mencabar serta menyeronokkan untuk seisi keluarga mahupun bersama-sama teman.



RUPA bentuk gelongsor air terpanjang di dunia dari ruang udara.